



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM, SELANGOR**  
**[GUAMAN SIVIL NO: 22NCVC-514-2011]**

**Antara**

**Mega Forest Plantation Management Sdn Bhd ... Plaintiff**

**Dan**

**Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor ... Defendan**

**(Dalam Tindakan Asal)**

**Antara**

**Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor ...  
Plaintif**

**Dan**

- 1. Mega Forest Plantation Management Sdn Bhd**
- 2. Brig-Jen (B) Dato' Abdullah Omar**
- 3. Datin Norizan Hussein**
- 4. Dato' Haji Karim Marzuki**

**... Defendan-Defendan**

**(Dalam Tuntutan Balas)**



## ALASAN PENGHAKIMAN MAHKAMAH

### Pengenalan

#### Tuntutan plaintif (Tuntutan Asal)

[1] Plaintif Mega Forest Plantation Management Sdn Bhd (disebut sebagai “MFPM” selepas ini) melalui writ saman dan pernyataan tuntutan bertarikh 29.4.2011 menuntut terhadap defendan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (disebut sebagai “PKPS” selepas ini) bagi perkara-perkara berikut:

- (a) (i) gantirugi khas berjumlah RM59,874,011.00 atau jumlah lain seperti yang ditaksirkan dan didapati adil oleh mahkamah;
- (ii) faedah di atas jumlah gantirugi khas di (a) di atas pada kadar 6% setahun dari tarikh pemfailan tindakan ini sehingga tarikh penyelesaian penuh;



- (b) gantirugi am untuk salahnyataan (misrepresentation) dan/atau kecuaiian dan/atau pelanggaran statutori dan/atau pemecahan kontrak;
- (c) gantirugi teladan untuk salahnyataan (misrepresentation) dan/atau kecuaiian dan/atau pelanggaran statutori dan/atau pemecahan kontrak;
- (d) faedah di atas gantirugi am di (b) dan gantirugi teladan di (c) di atas masing-masing pada kadar 8% setahun dari tarikh pemfailan tindakan ini sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- (e) kos; dan
- (f) apa-apa relif dan/atau perintah lain yang dianggap adil dan sesuai oleh mahkamah ini.



## **Tuntutan balas defendan PKPS**

### **(Dalam Tuntutan Balas)**

[2] Defendan PKPS melalui Pembelaan dan Tuntutan Balas Terpinda (Pembelaan Terpinda) yang difailkan bertarikh 21.9.2012 membuat tuntutan balas terhadap plaintif (MFPM) (defendan pertama dalam tuntutan balas) bersama-sama tiga defendan lain, iaitu Brig-Jen (B) Dato' Abdullah bin Omar (defendan kedua dalam tuntutan balas), Datin Norizan binti Hussein (defendan ketiga dalam tuntutan balas) dan Dato' Haji Karim bin Marzuki (defendan keempat dalam tuntutan balas), bagi perkara berikut:

- (1) gantirugi khas berjumlah RM95,310.050.37 atau jumlah lain yang difikir suaimanfaat oleh mahkamah ini;
- (2) gantirugi am untuk ditaksirkan yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada:
  - (a) hasil pembalakan komersil (bagi tanah seluas 956.32 hektar tersebut);



- (b) kerugian dan kehilangan keuntungan masa hadapan dan dividen daripada projek penanaman semula pokok Sentang dan getah yang dijalankan dan dibangunkan dalam kawasan pajakan kecil tersebut;
  - (c) kerugian dari segi dividen-dividen yang tidak pernah dinikmati oleh PKPS sebagai pemegang saham dalam MNSB (digulungkan)(untuk ditaksirkan oleh mahkamah ini);
- (3) faedah pada kadar 8% setahun ke atas semua jumlah yang dihakimkan yang perlu dibayar oleh defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat, samada secara bersejama atau pun berasingan, dari tarikh pemfailan tuntutan balas terpinda ini sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- (4) kos tindakan ini;



(5) relief-relief lain atau selanjutnya yang mahkamah ini fikirkan suaimanfaat dan adil untuk dibenarkan.

**Perbicaraan kes**

[3] Perbicaraan penuh kes ini telah dijalankan. Plaintiff MFPM dalam tindakan asal memanggil dua saksi, iaitu Dato' Abdullah bin Omar (SP1) dan Datin Norizan binti Hussein (SP2/SPDW1). SP1 dan SP2 adalah pemegang saham dan pengarah dalam MFPM dan Megafores Nursery Sdn Bhd (disebut sebagai "MNSB" selepas ini).

[4] PKPS di dalam pembelaan kepada tuntutan asal dan tuntutan balas terpinda telah memanggil lapan orang saksi, iaitu Aqmal Azam bin Ahmad iaitu Timbalan Pengurus Besar PKPS (SD1), Noraini Mohamad Ramlan ketua juruodit dalaman PKPS (SD2), Mohd Nordin bin Darhan pemangku Pengurus Besar PKPS (SD3), Zarinah binti Taslim Pengurus Perundangan PKPS (SD4), Hajah Siti Khadijah binti Dato' Zakaria mantan Penolong Kanan Kesetiausahaan PKPS (SD5), Azizah binti Kamaruddin setiausaha MTES (SD6), Majidah binti Mohd Said juruodit



dalam PKPS (SD7), dan Haji Badrol Hisham bin Abd. Rahman Penolong Pengarah Jabatan Perhutanan Selangor (SD8).

[5] Defendan keempat dalam tuntutan balas (Dato' Haji Karim bin Marzuki) memberi keterangan bagi diri sendiri (SPDW2).

#### **Latar belakang kes**

[6] Defendan (“PKPS”) adalah merupakan sebuah perbadanan negeri yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, 1972 (Selangor Agriculture Development Corporation Enactment No. 12 of 1972).

[7] Pada 16.8.1998, Kerajaan Negeri Selangor mengumumkan rancangan bagi menjadikan negeri Selangor sebagai pengeluar utama pokok Sentang dan Jati bagi menggantikan tanaman pokok Acacia yang telah matang di hutan simpan negeri Selangor (pokok Acacia adalah digunakan bagi industri kertas dan isian papan lapis tetapi berharga rendah). Pengumuman tersebut dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian dan



Perikanan Negeri Selangor iaitu Datuk Abdul Fatah Iskandar ketika berucap mewakili Menteri Besar Selangor (ketika itu YAB Datuk Abu Hassan Omar) sempena merasmikan pelancaran Hari Perhutanan Sedunia peringkat negeri Selangor (muka surat 451 Ikatan B4).

[8] Pada 1.11.1998, plaintif (“MFPM”) melalui surat yang ditandatangani oleh Brig Jen (B) Abudullah Omar iaitu Pengarah Eksekutif MFPM menulis kepada Menteri Besar Selangor dan mengemukakan cadangan membangunkan ladang hutan berintegrasi (integrated forest farm) di negeri Selangor (muka surat 452 Ikatan B4). Butir-butir cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- (a) MFPM mencadangkan untuk menjalankan kerjasama dengan pihak PKPS untuk membangunkan ladang hutan berintegrasi di negeri Selangor di mana MFPM telah mengenalpasti satu kawasan seluas 10,000 hektar di kawasan Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek, di Daerah Ulu Selangor yang ketika itu ditanam dengan pokok Acacia;





- (b) sebagai projek perintis, MFPM mencadangkan supaya 1,000 hektar daripada kawasan Hutan Simpan Rantau Panjang dan/atau Hutan Simpan Bukit Tarek diusahakan terlebih dahulu sebagai ladang contoh dan untuk menarik minat masyarakat tentang “commercial viability” penanaman pokok Sentang (*Azadirachta Excelsa*);

[9] Surat oleh MFPM kepada Menteri Besar Selangor tersebut selanjutnya mengatakan seperti berikut (muka surat 453 Ikatan B4):

*“Kos membangun dan mengurus 1000 hektar ladang Sentang dianggar berjumlah RM28,157,250. Jumlah ini merangkumi semua aspek termasuk pembangunan infrastruktur. Namun demikian memandangkan hasil dari jualan kayu dijangka akan mula didapati selepas 6 tahun, jumlah yang diperlukan hanya sebanyak RM15,864,750 sahaja. Pendapatan dari pengeluaran kayu di ladang berkenaan dijangka berjumlah RM264,500,000. Jangkaan pendapatan ini adalah selaras dengan jangkaan*



*yang dibuat oleh penyelidik kajian hutan dari Institut Kajian Hutan Malaysia (FRIM) dan Thailand. Mengikut seorang penyelidik Thailand sebatang pokok Sentang yang matang (15 tahun) boleh mengeluarkan hasil berjumlah Bath 3500 (RM350).*

*Projek yang kami cadangkan itu bukan sekadar penanaman pokok Sentang, malah ia berupa satu projek berintegrasi yang merangkumi penanaman 'inter-crop', pemeliharaan binatang ternakan dan ikan pada jangka masa tertentu. Ini perlu bagi menentukan penggunaan tanah yang lebih efektif disamping memberi pendapatan sampingan sementara menunggu hasil dari pokok Sentang. Kegiatan sedemikian juga akan menolong kerajaan dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan menyumbang kearah matlamat mengurangkan import hasil tanaman dan ternakan dalam usaha memulihkan ekonomi Negara."*

**[10]** MFPM kemudiannya telah diarahkan oleh YAB Menteri Besar Selangor untuk mengadakan perbincangan



dengan Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Jabatan Penswastaan Negeri Selangor, Kementerian Perusahaan Utama, Lembaga Industri Kayu Malaysia dan PKPS di atas cadangan tersebut.

[11] Hasil daripada perbincangan dengan pihak-pihak tersebut, pada 23.6.1999, MFPM melalui surat yang ditandatangani oleh Datin Norizan binti Hussein iaitu Pengarah Eksekutif MFPM, menulis kepada Menteri Besar Selangor bagi memaklumkan bahawa satu persetujuan awal telah dicapai, di antara lain adalah seperti berikut (muka surat 455 Ikatan B4):

- (a) projek penghutanan semula (reforestation) di ladang hutan Acacia dengan menggantikan pokok Acacia dengan penanaman pokok Sentang adalah satu projek Kerajaan Negeri Selangor melalui PKPS di mana ia akan diuruskan oleh MFPM;
- (b) bagi peringkat pertama dan sebagai projek perintis, hanya 1,000 hektar tanah (2,500 ekar) akan dibangunkan dan Kerajaan Negeri



Selangor perlu memperuntukkan sebanyak RM15,854,750.00 dalam masa lima (5) tahun. Selebihnya akan diperolehi daripada hasil jualan kayu dan tanaman sampingan di ladang hutan tersebut;

- (c) pembangunan ladang akan dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan;
- (d) baki kawasan seluas 9,000 hektar boleh dibangunkan samada secara kerjasama dengan pihak ketiga atau secara penawaran syer atau bon kepada pelabur yang ingin menyertai kegiatan tersebut.

[12] Surat MFPM kepada Menteri Besar Selangor tersebut turut melampirkan satu kertas kerja bertajuk “Proposed Integrated Agriculture Development Through Joint Venture Between Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) And Mega Forest Plantation Management Sdn Bhd (MFPM)” (eksibit “P1”). Kertas kerja tersebut juga memaklumkan bahawa aktiviti “inter-cropping” dan “animal husbandry” akan dijalankan sebagai aktiviti sampingan sementara pokok Sentang menjadi matang, seperti berikut:



*“Inter-Cropping*

*Inter-cropping, in order to maximize the use of land and to supplement income for the joint venture, would be undertaken concurrently with the planting of timber for the period of up to 2 years. This undertaking would be done by the manager or contracted out to a third party. The actual types of plants that can be grown would depend on soil suitability and that the growth of the timber would not be affected by them.*

*Animal Husbandry*

*On the third year following timber planting the canopies would allow only grass and shrubs to grow on the land. From this period until the timber mature animal such as goat, sheep and cattle can be introduced into the plantation. These animals would serve two purpose; one they help to reduce maintenance cost and, two provides supplementary income. Similarly in low level areas where water could easily be retained, ponds would be created for fish farming.”*



[13] Berdasarkan Minit Mesyuarat Jemaah Ahli PKPS Bil. 99 yang diadakan pada 12.8.1999, Kerajaan Negeri Selangor telah memberi kuasa kepada PKPS untuk membangunkan serta menjalankan projek penghutanan semula (reforestation plan) di kawasan Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek. Bagi tujuan tersebut Kerajaan Negeri Selangor akan memasuki satu perjanjian pajakan dan konsesi dengan PKPS bagi memberi pajakan dan konsesi dua hutan simpanan tersebut kepada PKPS. Jemaah Ahli PKPS (yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Selangor) melalui mesyuarat Bil. 99 tersebut juga bersetuju untuk menjalankan projek penghutanan semula tersebut dengan secara usahasama (joint venture) dengan MFPM.

#### **Perjanjian-perjanjian**

[14] Pada 22.1.2001 Kerajaan Negeri Selangor dan PKPS menandatangani Perjanjian Pajakan dan Konsesi (“Lease and Concession Agreement”). Di bawah perjanjian ini, Kerajaan Negeri Selangor bersetuju memberi pajakan dan konsesi kepada PKPS untuk dua



(2) bidang tanah hutan simpan, masing-masingnya seluas 5,000 hektar di Hutan Simpan Rantau Panjang dan 5,000 hektar di Hutan Simpan Bukit Tarek di daerah Ulu Selangor (lokasi dan sempadan seperti dikenalpasti dalam Lampiran A kepada perjanjian pajakan dan konsesi), untuk tujuan penghutanan semula (reforestation plan) di mana pokok-pokok Acacia Mangium dalam kawasan kedua-dua hutan simpan tersebut akan digantikan dengan penanaman pokok Sentang, Jati dan getah serta spesis pokok yang diluluskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Tempoh pajakan dan konsesi adalah selama 60 tahun (muka surat 44 – 77 Ikatan B1). Klausula 8 perjanjian memperuntukkan penubuhan “Steering Committee” yang dipengerusikan oleh Pengarah Unit Perancang dan Pembangunan Negeri dan wakil-wakil dari FRIM, Jabatan Perhutanan Selangor, Jabatan Pertanian Selangor, Pejabat Daerah Hulu Selangor, Jabatan Alam Sekitar, PKPS dan pakar-pakar lantikan Kerajaan Negeri bagi menyelia dan memantau aktiviti penghutanan semula tersebut. Klausula 15 perjanjian memperuntukkan bahawa PKPS tidak boleh menyerahkan mana-mana hak dan apa-apa tanggungannya di bawah perjanjian tersebut kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu oleh Kerajaan Negeri.



[15] Pada 22.1.2001 tersebut juga, satu Perjanjian Usahasama (“Joint Venture Agreement”) ditandatangani di antara PKPS dan MFPM. Melalui perjanjian tersebut, PKPS dan MFPM bersetuju untuk menubuhkan dan menjadikan syarikat Megafores Nursery Sdn Bhd (“MNSB”) sebagai syarikat usahasama bagi melaksanakan projek perhutanan semula tersebut di mana MFPM akan memegang 51% saham dan PKPS 49% saham dalam MNSB tersebut. Setakat tarikh tersebut, MNSB yang telah ditubuhkan terdahulunya (tahun 1998) mempunyai pemegang-pemegang saham seperti berikut: (i) Jasmin bin Abdullah : 5%, (ii) Syahrir bin Abdullah : 20%, (iii) Abdullah bin Omar : 30%, (iv) Rohaizah binti Hassan @ Keseri : 25%, dan (v) Norizan bt Hussein : 20%. Abdullah bin Omar adalah defendan kedua dalam tuntutan balas PKPS di sini, Norizan bt Hussein pula adalah defendan ketiga dalam tuntutan balas PKPS di sini (muka surat 2 – 42 Ikatan B1).

[16] Pada tarikh 22.2.2001 tersebut juga, satu Perjanjian Pajakan Kecil (“Sub-Lease Agreement”) telah diandatangani oleh PKPS dan MNSB. Di bawah perjanjian ini, PKPS telah bersetuju memberikan pajakan kecil tanah





berkeluasan 1,000 hektar di Hutan Simpan Rantau Panjang yang merangkumi Blok-Blok 12/86, 3/85 dan 15/87 kepada MNSB bagi tujuan projek penghutanan semula (reforestation) dan perhutanan tani (agro forestry). Tempoh pajakan kecil adalah selama 50 tahun (muka surat 78 – 112 Ikatan B1). Menurut ‘citation’ perenggan B perjanjian pajakan kecil ini, PKPS melalui Mesyuarat Jemaah Ahli No. 99 bertarikh 12.8.1999 telah bersetuju bagi melantik MNSB bagi menjalankan ‘reforestation plan’ tersebut khususnya bagi menanam pokok-pokok yang diluluskan. Di bawah ‘citation’ perenggan E perjanjian pajakan kecil ini diperuntukkan bahawa perjanjian ini adalah tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Negeri bagi membenarkan pajakan kecil diberikan oleh PKPS kepada MNSB. Perenggan kecil (vii) Klausula 6.1 perjanjian kecil memperuntukkan di antara aktiviti yang dibenarkan bagi ‘reforestation plan’ tersebut adalah *“to utilize the said area also for agro-forestry and horti-culture activities”*. Klausula 15 perjanjian pajakan kecil memperuntukkan tiada mana-mana pihak PKPS atau MNSB boleh menyerah hak dan tanggungan di bawah perjanjian pajakan kecil tersebut kepada pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu oleh Kerajaan Negeri.



[17] Ketiga-tiga perjanjian di atas adalah disediakan oleh Messrs Baharuddin Ali & Co iaitu peguam penal PKPS dan telah dibuat semakan dan diluluskan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor sebelum ianya ditandatangani oleh pihak-pihak.

[18] Selepas perjanjian-perjanjian di atas dimasuki, pemindahan saham dalam syarikat MNSB telah dilakukan di mana MFPM mengambil pegangan 51% saham dan PKPS mengambil pegangan 49% saham selaras dengan Perjanjian Pajakan Kecil di antara PKPS dan MNSB. Sijil-sijil bagi saham-saham sejumlah 49% milik PKPS juga telah dikeluarkan oleh MNSB kepada PKPS.

[19] Lanjutan daripada perjanjian pajakan kecil tersebut, MNSB selaku pemegang pajakan kecil bagi tanah seluas 1,000 hektar tersebut telah memulakan kerja-kerja penghutanan semula di dalam kawasan pajakan kecil tersebut secara perladangan hutan campur, iaitu dengan menanam pokok Sentang dan pokok getah balak. MNSB turut menanam pokok kelapa sawit di sebahagian kawasan berpaya/ditenggelami air kerana pokok Sentang



dan getah tidak sesuai bagi ditanam di dalam paya berair. Pada sekitar tahun 2004 dan 2005 MNSB mula menjalankan aktiviti ternakan kambing dan lembu sebagai aktiviti sampingan di tanah pajakan kecil tersebut. MNSB juga mendirikan kilang makanan haiwan bagi memproses makanan haiwan dan ternakan yang dipelihara di situ. Aktiviti pembalakan Acacia juga dijalankan bagi memberi laluan kepada penghutan semula. Setakat bulan Oktober 2010 PKPS telah menerima pembayaran pendapatan bagi pajakan tersebut sejumlah RM46,526.00 dari MNSB menurut Klausula 5 perjanjian pajakan kecil. Klausula 5.1 perjanjian pajakan kecil bagaimana pun mengecualikan MNSB bagi memberi apa-apa sumbangan pendapatan kepada PKPS dari hasil-hasil 'non-timber' bagi tempoh 5 tahun bermula dari tahun pertama penghutan semula.

***Pengambilan balik sebahagian tanah kawasan pajakan kecil oleh Kerajaan Negeri Selangor***

[20] Pada sekitar tahun 2002 Kerajaan Negeri Selangor telah menswastakan pembinaan Universiti Industri Selangor (UNISEL) kepada syarikat Maxisegar Sdn Bhd di mana pembinaan kampus UNISEL (Kampus Berjantai



Bistari) tersebut telah melibatkan pengambilan balik (land acquisition) sebahagian tanah dalam kawasan pajakan kecil di atas. MNSB sebagai pemegang pajakan kecil dikehendaki menyerahkan tanah seluas 107.93 ekar bagi tujuan pembinaan jalan penghubung Bukit Beruntung-Berjantai Bistari oleh Maxisegar. Terdapat tanah seluas 12.38 ekar daripada keluasan 107.93 ekar di bawah pengambilan balik tanah tersebut telah ditanam dengan 31,000 pokok Sentang oleh MNSB. Oleh yang demikian pihak MNSB memohon kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya diberikan pampasan di atas kerugian dan kehilangan sebahagian kawasan pajakan kecil dan pokok-pokok Sentang yang dialami oleh MNSB akibat dari pengambilan balik tanah itu. Di atas arahan Kerajaan Negeri Selangor, PKPS telah melantik Kumpulan Jurunilai Sdn Bhd untuk menyediakan laporan penilaian bagi tuntutan pampasan MNSB tersebut dan laporan penilaian tersebut telah dibuat serahan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Laporan penilaian tersebut menganggarkan jumlah pampasan yang wajar dibayar kepada MNSB adalah sejumlah RM4,355,940.00.

[21] Pada 27.3.2003, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) melalui minit EXCO-MTES



No:15/12/2003 telah bersetuju bahawa kos dan pampasan sebanyak RM4,000,000.00 dibayar oleh Maxisegar Sdn Bhd. Bagaimana pun Maxisegar telah membuat bantahan dan perkara jumlah pampasan tersebut dirujuk semula kepada Mesyuarat EXCO-MTES (Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor). Melalui minit EXCO-MTES Bil:5/2004 pada 26.1.2004, dipersetujui supaya bayaran pampasan sebanyak RM4,000,000.00 tersebut dikongsi secara bersama oleh PKPS, MNSB, Maxisegar dan Kerajaan Negeri Selangor. Pada 28.4.2004, MTES memaklumkan keputusan tersebut kepada PKPS (muka surat 225 Ikatan B2)

[22] Pada 7.6.2008 PKPS memaklumkan kepada MNSB bahawa Maxisegar Sdn Bhd melalui Kumpulan Talam Berhad telah membayar wang pampasan bahagian Maxisegar sebanyak RM1,000,000.00 kepada PKPS secara kaedah pembayaran kontra melalui pengambilan Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad. PKPS memaklumkan kepada MNSB bahawa PKPS akan membayar wang pampasan berjumlah 1,000,000.00 (bahagian yang diterima dari Maxisegar) kepada MNSB secara bayaran ansuran RM200,000.00 sebulan. Pada Jun dan Julai 2008 MNSB menerima bayaran masing-



-masing RM200,000.00 dari PKPS (muka surat 232-235 Ikatan B2). Sehingga kini baki RM600,000.00 (dari bahagian RM1 juta yang telah dibuat bayaran oleh Maxisegar), RM1,000,000.00 bayaran bahagian PKPS dan RM1,000,000.00 bayaran bahagian Kerajaan Negeri Selangor masih belum diterima oleh MNSB walau pun terdapat keputusan EXCO-MTES bertarikh 26.1.2004 tentang cara pembahagian tanggungan bayaran pampasan berjumlah RM4,000,000.00 tersebut.

### ***Masalah Kewangan PKPS***

[23] Pada sekitar tahun 2007 PKPS mengalami masalah kewangan untuk meneruskan projek usahasama bagi penghutanan semula tersebut. Melalui surat bertarikh 27.9.2007 oleh PKPS kepada MNSB, PKPS memberi kebenaran kepada MNSB untuk menjalankan projek usahasama dengan pihak ketiga ke atas penghutanan kawasan seluas 1,000 ekar dalam kawasan pajakan pajakan kecil tersebut yang mana ianya akan dapat mengurangkan beban kewangan PKPS selaku pemegang saham dalam MNSB. Seterusnya melalui surat bertarikh 19.8.2008 kepada MFPM (plaintif), PKPS telah memaklumkan hasrat PKPS untuk menjual pegangan



49% saham (3,193,330 unit) PKPS dalam MNSB tersebut kepada MFPM (muka surat 365 Ikatan B2). Pada 18.11.2008 MFPM melalui peguamcara Tetuan Che Mokhtar & Ling telah membuat tawaran bagi pembelian 49% saham PKPS tersebut pada harga RM1.5 juta (muka surat 366 Ikatan B2). Bagaimana pun PKPS kemudiannya telah tidak bersetuju bagi menjual sahamnya dan tiada juga apa-apa tawaran balas dibuat oleh PKPS.

### **Pertukaran Kerajaan Negeri Selangor**

[24] Pada pertengahan tahun 2008 berlaku pertukaran Kerajaan Negeri Selangor selepas Pilihanraya Umum Tahun 2008 di mana parti-parti politik yang menggelarkan diri mereka sebagai “Pakatan Rakyat” telah menewaskan parti Barisan Nasional bagi pemilihan di negeri Selangor dan dengan itu “Pakatan Rakyat” telah membentuk Kerajaan Negeri Selangor yang baru. Lanjutan daripada itu berlaku rombakan dalaman dan pertukaran pegawai dan pengurusan dalam PKPS. SP1 mengatakan ia mendapat kesukaran dalam mendapatkan kerjasama PKPS dan bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit berhubung projek penghutanan semula tersebut apabila



pegawai-pegawai PKPS di bawah pengurusan baru mengelak dari bertemu dan melayani MNSB.

***Pertukaran pengurusan tertinggi PKPS***

[25] Jemaah Ahli PKPS adalah dipengerusikan oleh Menteri Besar Selangor sepertimana yang diperuntukkan oleh Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, 1972. Maka yang demikian bermula pertengahan tahun 2008 (selepas pilihanraya umum), YAB Tan Sri Khalid Ibrahim selaku Menteri Besar Selangor adalah menggantikan pengerusi Jemaah Ahli PKPS terdahulu, iaitu Dato' Seri Mohamed Khir Toyo.

[26] Pada 30.9.2009 Dato' Karim Marzuki (defendan keempat dalam tuntutan balas PKPS) bersara dari jawatan Pengurus Besar PKPS selepas Kerajaan Negeri Selangor memutuskan untuk tidak menyambung perkhidmatan beliau. Tempat beliau diambil alih Tuan Haji Ali bin Ahmad selaku Pengurus Besar dan En. Aqmal Azam bin Ahmad (SD1) selaku setiausaha Jemaah Ahli PKPS merangkap Timbalan Pengurusan Besar PKPS yang baru. En. Aqmal Azam (SD1) sebelumnya semasa





Dato' Karim Marzuki sebagai pengurus besar adalah merupakan Timbalan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan PKPS.

[27] Selanjutnya pada sekitar bulan Disember 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah menerbitkan satu risalah bertajuk "*Kisah Di Sebalik Projek Perhutanan Semula Untuk Tujuan Komersil Di Selangor – Satu Pendedahan Pakatan Rakyat Selangor*" yang mengatakan projek penghutanan semula yang dijalankan oleh MFPM/MNSB dan beberapa syarikat lain adalah tidak berhasil di antara lain disebabkan syarikat-syarikat tersebut tidak mempunyai kepakaran di dalam bidang perhutanan. YAB Menteri Besar Selangor (YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) juga telah mengelas semula (declassified) dokumen-dokumen Kerajaan Negeri Selangor berkaitan projek penghutanan semula di bawah seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi 1972 (muka surat 390 Ikatan B2 dan 386 Ikatan B2).



### **Penggulungan MNSB**

[28] Pada 24.11.2009 melalui Meyuarat Jemaah Ahli PKPS Bil Ke 127 yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar, Jemaah Ahli PKPS telah memutuskan untuk menggulung (winding up) MNSB di atas alasan-alasan berikut (muka surat 430 Ikatan B2):

- (a) MNSB telah gagal membayar balik pinjaman berjumlah RM2.9 juta yang diberikan oleh PKPS kepada MNSB;
- (b) MNSB telah menjalankan beberapa projek komersil tanpa kelulusan Jabatan Perhutanan Negeri, iaitu:
  - (i) projek feedmill makanan ternakan;
  - (ii) projek ladang kelapa sawit;
  - (iii) projek fidlot lembu dan kambing.

[29] Melalui Petisyen No: 28NCC-65-2010 (Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur) bertarikh 27.1.2010,



PKPS telah mengemukakan petisyen bagi penggulungan MNSB di bawah Seksyen 218(1)(f) dan (i) Akta Syarikat, 1965 (muka surat 126 – 169 Ikatan B1). Alasan petisyen penggulungan terhadap MNSB mengikut petisyen tersebut adalah seperti berikut:

*“10. The Petitioner’s grounds for winding up the company are as follows:*

- a. Illegality on the basis that:*
  - i. The establishment of the company was illegal at its very inception;*
  - ii. The company’s operations and assignment of its right and obligations in the Area and/or sub-lease to third parties;*
- b. Failure and/or loss of substratum of the company;*
- c. Breach of common law and/or statutory fiduciary duties by the 3rd (Dato’ Abdullah bin Omar) , 4<sup>th</sup> (Datin Norizan binti Hussein), 5th (Jasmine bin Abdullah), and 6th (Suhaimai bin Mohd Ghazali) respondents as directors of the company resulting in conflict of interests;*
- d. Management deadlock;*
- e. Justifiable loss of confidence; and*



*f. Irretrievable breakdown of mutual trust and confidence between the Petitioner (PKPS), 1<sup>st</sup>, 2<sup>nd</sup>, 3<sup>rd</sup>, 5<sup>th</sup> and 6<sup>th</sup> respondents.”*

[30] Responden-responden dalam petisyen penggulungan telah membantah terhadap petisyen bagi penggulungan MNSB itu. Pada 14.9.2010 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Mahkamah Penggulungan) telah membenarkan petisyen PKPS bagi menggulung MNSB di atas alasan, antara lain MNSB telah ditubuhkan secara tidak sah (the incorporation of the company on 30.9.2000 was illegal) kerana tiada kebenaran bertulis Menteri Kewangan didapatkan di bawah Seksyen 14B(1) Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, 1972 dan Perenggan 14(1)(c) Jadual Kedua, Akta Pemanduan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (muka surat 170 dan 173 -198 Ikatan B1). Mahkamah juga memutuskan oleh kerana pemerbadanan MNSB adalah “illegal” dari awalnya kerana tiada kebenaran Menteri Kewangan didapatkan terlebih dahulu, maka segala pelaburan oleh PKPS di dalam MNSB adalah “void ab initio for illegality”. Mahkamah tersebut juga memutuskan disebabkan penubuhan MNSB adalah “illegal” maka Perjanjian Usahasama (JVA) di antara PKPS dan MFPM juga “tainted with illegality as well” dan



dengan itu JVA tersebut tidak boleh dikuatkuasakan kerana ianya melanggar Akta 1962 dan Enakmen 1972 disebabkan perkara atau balasan yang terdapat di bawah JVA tersebut (the object or consideration of the JVA) adalah tidak sah menurut seksyen 24(a) dan (b) Akta Kontrak 1950. Mahkamah tersebut turut memutuskan bahawa MNSB telah melanggar terma dan syarat pajakan kecil apabila menjalankan aktiviti-aktiviti “commercial forest or integrated forest with animal husbandry” ke atas tanah yang diberi pajakan sedangkan perjanjian pajakan kecil hanya bagi tujuan “Reforestration Plan”. Mahkamah tersebut turut memutuskan bahawa MNSB telah melanggar Klausula 15 perjanjian pajakan kecil, Akta 1962 dan Enakmen 1972, Akta Syarikat 1965 dan Akta Perhutanan Negara 1985 apabila MNSB menyerahkan hak-hak dan tanggungannya berkaitan tanah tersebut kepada syarikat-syarikat pihak ketiga bagi menjalankan aktiviti-aktiviti lain di tanah pajakan kecil tersebut tanpa persetujuan terdahulu PKPS dan permit dari Jabatan Perhutanan Selangor dan dengan itu MNSB telah menyimpang dari tujuan asal penubuhannya dari projek penghutanan semula.



[31] Rayuan oleh MNSB dan responden-responden ke Mahkamah Rayuan terhadap perintah penggulungan MNSB telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan yang sekaligus mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi bagi penggulungan MNSB tersebut. Mahkamah Rayuan juga memutuskan pelaburan PKPS dalam usahasama tersebut adalah tidak sah kerana tidak mendapat kebenaran Menteri Kewangan seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang.

[32] Beberapa isu yang berkaitan dengan tindakan ini seperti keesahan (validity) perjanjian pajakan kecil dan aktiviti di luar dari maksud “reforestation” serta keesahan penubuhan MNSB telah dibawa di hadapan mahkamah ini yang mana isu yang sama juga telah diputuskan di bawah prosiding penggulungan MNSB yang kemudiannya keputusan tersebut disahkan oleh Mahkamah Rayuan. Oleh itu mahkamah ini wajar memberi penghormatan yang tinggi kepada keputusan Mahkamah Rayuan yang mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi dalam isu-isu yang berkaitan itu khususnya dalam mendapati bahawa perjanjian pakajjan kecil di antara PKPS dan MNSB adalah tidak sah dan terbatal dari awal (*void ab initio*).



### **Pengambilan semula (lucuthak) kawasan 1,000 hektar**

[33] Melalui notis bertarikh 14.4.2011 Pengarah Perhutanan Negeri Selangor memberi tahu PKPS bahawa MMKN Ke 1/2011 (Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor) yang bermesyuarat pada 5.1.2011 telah memutuskan tanah 1,000 hektar di Hutan Simpan Rantau Panjang yang diberi pajakan kecil kepada MNSB dikembalikan semula kepada Jabatan Perhutanan Negeri (muka surat 450 Ikatan B2).

### **Tuntutan plaintif (MFPM) dan keputusan mahkamah**

[34] MFPM memplidkan dan mengatakan segala aktiviti di bawah projek perhutanan semula dan agro-perhutanan tersebut dijalankan dengan persetujuan, dorongan dan representasi oleh PKPS melalui pegawai-pegawainya dan yang demikian PKPS telah melakukan kegagalan berikut (perenggan 21 pernyataan tuntutan):



- (a) gagal bertindak secara professional dan gagal mengambil tindakan munasabah untuk mendapatkan kebenaran bertulis Menteri Kewangan;
- (b) pengurusan baru PKPS dan Jemaah Ahli PKS yang baru telah gagal dan secara sengaja enggan memohon kebenaran bertulis Menteri Kewangan sebaliknya cuba mengambil kesempatan atas isu ini (ketiadaan persetujuan Menteri Kewangan) sebagai alasan menggulung syarikat usahasama tersebut demi kepentingan sempit mereka dan bagi mengelak pembayaran wang pampasan berjumlah RM2.6 juta yang masih dihutang oleh PKPS dan Kerajaan Negeri Selangor kepada syarikat usahasama;
- (c) MFPM, Dato' Abdullah dan Datin Norizan diberikan representasi palsu oleh PKPS kononnya PKPS telah mendapat segala kelulusan yang perlu;





- (d) tindakan *mala fide* PKPS dan Jemaah Ahli PKPS adalah amat ketara apabila PKPS dan/atau Kerajaan Negeri Selangor (di bawah kepimpinan YAB Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang juga Pengerusi Jemaah Ahli PKPS) menerbitkan risalah kononnya projek penghutan semula yang dijalankan oleh MFPM dan beberapa syarikat lain adalah tidak berhasil atas alasan kononya MFPM dan syarikat-syarikat lain tersebut tidak mempunyai kepakaran di dalam bidang perhutanan;
- (e) tindakan-tindakan PKPS dan Jemaah Ahli PKPS yang baru adalah jelas bermotifkan politik kotor tanpa pengambil kira prinsip kesucian kontrak (*sanctity of contract*) yang perlu dipelihara;
- (f) tiada apa-apa usaha diambil oleh PKPS untuk merujuk kepada Jabatan Perhutanan Selangor dan Jawatankuasa Pemandu bagi mendapatkan khidmat nasihat bebas berhubung projek usahasama tersebut.



[35] MFPM juga mengatakan jika sekiranya aktiviti MNSB di bawah pajakan kecil tidak disetujui oleh PKPS dan melanggar terma dan syarat perjanjian pajakan kecil, maka PKPS mempunyai tanggungjawab di bawah Klausa 11 perjanjian pajakan kecil untuk memberi notis 12 bulan kepada MNSB untuk membaikpulih pelanggaran tersebut tetapi notis tersebut tidak diberikan oleh PKPS.

[36] Dari latar belakang yang dibutirkan oleh mahkamah di awal penghkiman ini, masalah dan kegagalan projek usahasama penghutanan semula tersebut berlaku, di antaranya disebabkan perkara-perkara berikut:

- (a) pengambilan semula sebahagian tanah kawasan pajakan kecil pada tahun 2002 telah menjejaskan 'viability' projek penghutanan semula tersebut;
- (b) MNSB gagal mendapat kawasan tambahan bagi tanah pajakan kecil bagi menjadikan projek penghutanan semula tersebut berdaya maju;



- (c) MNSB kekurangan modal bagi melaksanakan projek penghutanan semula tersebut;
- (d) seluas 350 ekar tanah pajakan kecil tidak dapat ditanam dengan Sentang kerana berpayu ditenggelami air;
- (e) aktiviti sampingan yang dijalankan oleh MNSB iaitu ternakan kambing, lembu dan lainnya tidak berpayu menampung kos pengurusan MNSB dan kos penghutanan semula semula serta kos penyelenggaraan penghutanan semula;
- (f) berlaku masalah kewangan dalam PKPS dalam tahun 2007 bagi menambah modal atau membuat pelaburan tambahan dalam MNSB;
- (g) berlaku pertukaran Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 2008 selepas pilihanraya umum yang mengubah polisi berkaitan penghutanan semula yang diberikan kepada PKPS;



- (h) berlaku pertukaran Jemaah Ahli PKPS yang memutuskan untuk PKPS tidak meneruskan projek penghutanan semula dengan MNSB;
- (i) berlaku pertukaran pengurusan tertinggi PKPS yang tidak lagi mahu memberikan kerjasama bagi usahasama projek penghutanan semula diteruskan;
- (j) tiada hasil atau pulangan pelaburan yang diterima oleh PKPS dari MNSB dari penghutanan semula dan aktiviti sampingan setelah 8 tahun perjanjian usahasama berjalan;
- (k) berlaku penggulungan MNSB pada 14.9.2010 yang menyebabkan semua aktiviti penghutanan semula yang dijalankan oleh MNSB tidak lagi dapat dijalankan dan projek penghutanan semula terhenti sama sekali.

[37] Seperti yang mahkamah nyatakan di awal penghakiman ini, mahkamah penggulungan telah memutuskan bahawa pajakan kecil tanah seluas 1,000 hektar yang dibuat oleh PKPS kepada MNSB adalah tidak sah disebabkan tiada kebenaran Kerajaan Negeri



Selangor diperolehi terlebih dahulu. Mahkamah penggulungan juga mendapati penubuhan MNSB oleh PKPS juga adalah tidak sah. Rayuan oleh MNSB ke Mahkamah Rayuan terhadap penggulungan MNSB tersebut juga telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan. Oleh kerana penubuhan MNSB telah didapati tidak sah dan perjanjian pajakan kecil yang dimasuki oleh MNSB dengan PKPS dan MFMP adalah melanggar Perjanjian Konsesi dan Pajakan, maka mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguamcara PKPS bahawa peruntukan klausa keperluan untuk memberi notis bagi membaikpulih pelanggaran di bawah perjanjian pajakan kecil tidak lagi wujud untuk dipatuhi oleh PKPS. Oleh itu tiada merit dalam tuntutan plaintif bahawa PKPS telah melanggar perjanjian pajakan kecil dan gagal memberi notis kepada MNSB bagi meremedikan pelanggaran perjanjian pajakan kecil tersebut.

[38] Keterangan juga melihatkan bahawa Perjanjian Pajakan dan Konsesi (Lease and Concession Agreement); Perjanjian Usahasama (Joint Venture Agreement) dan Perjanjian Pajakan Kecil (Sub-Lease Agreement) yang kesemuanya dimasuki pada 22.2.2001 adalah disediakan oleh firma peguamcara Messrs



Baharuddin Ali & Co iaitu penal peguam PKPS yang ditugaskan khusus bagi menyediakan ketiga-tiga perjanjian. MFPM juga menanggung setengah dari kos peguam dalam penyediaan perjanjian usahasama dan perjanjian pajakan kecil tersebut. Ini diakui oleh SP1 semasa disoal balas. Perjanjian-perjanjian tersebut juga telah disemak dan diberi kelulusan oleh pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan dikendalikan oleh Bahagian Perundangan PKPS sebelum ianya ditandatangani oleh pihak-pihak. MFPM juga membantu dalam memberikan 'in put' kepada perjanjian usahasama dan perjanjian pajakan kecil tersebut melalui perbincangan dan surat-surat yang dihantar kepada PKPS. Oleh itu mahkamah mendapati walau pun pihak MFPM mengatakan Messrs Baharuddin Ali & Co bertindak menyediakan perjanjian-perjanjian bagi pihak PKPS, tetapi ianya tidak menafikan hak MFPM jika MFPM ingin melantik peguamnya sendiri bagi memberi nasihat guaman kepada MFPM berkaitan perjanjian-perjanjian tersebut sebelum, semasa atau sesudah perjanjian-perjanjian ditandatangani. MFPM juga mempunyai salinan perjanjian-perjanjian tersebut setelah ianya dimasuki. Malahan pada 9.6.2003 Tetuan Al Sabri & Co ada menulis kepada PKPS dengan memberikan pendapat bahawa MNSB mempunyai kuasa mutlak untuk memasuki apa-



apa jua perjanjian dengan pihak ketiga demi memastikan kejayaan projek “Reforestration” tersebut (muka surat 377 Ikatan B1). Di atas keterangan-keterangan tersebut mahkamah ini berpendapat MFPM yang diterajui oleh SP1 dan SP2 selaku pengarah-pengarah MFPM tahu dan memahami dan sepatutnya tahu atau memahami ke atas setiap isi kandungan terma dan syarat di bawah perjanjian-perjanjian tersebut. MFPM mempunyai segala masa untuk tidak bersetuju di atas mana-mana terma atau syarat atau membuat pertanyaan bagi mendapatkan penjelasan ke atas mana-mana kandungan terma dan syarat perjanjian sebelum bersetuju menandatangani. Keterangan juga melihatkan MFPM telah mendapat manfaat dan faedah daripada perjanjian-perjanjian tersebut seperti lantikan Dato’ Abdullah (SP1) dan Datin Norizan (SP2) ke dalam lembaga pengarah MNSB dan pemegangan jawatan pengurusan MNSB yang membawa pengajian dan pulangan kewangan kepada SP1 dan SP2. Di atas fakta-fakta tersebut, mahkamah berpendapat dakwaan MFPM bahawa telah berlaku satu salahnyataan (misrepresentation) oleh PKPS atau pegawai-pegawai PKPS yang telah mendorong plaintif memasuki perjanjian-perjanjian tersebut adalah tidak munasabah dan tidak diterima oleh mahkamah.



[39] Kesimpulannya, mahkamah berpendapat MFPM gagal membuktikan sebarang salah nyataan atau *mala fide* oleh PKPS yang berkaitan dengan projek dan aktiviti penghutanan semula itu. Adalah juga tidak munasabah atau logik untuk PKPS memasuki pelaburan dan menyediakan modal 49% dalam MNSB dan kos pengurusan penyelenggaraan penghutanan semula kawasan seluas 1,000 hektar tersebut dan akhirnya bersama mengalami kerugian dengan MFPM jika PKPS sendiri tahu sejak awal projek usahasama tersebut tidak sah untuk dimasuki.

#### **Tuntutan balas PKPS dan keputusan mahkamah**

[40] PKPS di dalam pernyataan pembelaan dan tuntutan balas terpinda, menuntut gantirugi khas sejumlah RM95,310,050.37. Pecahan tuntutan tersebut adalah seperti berikut (perenggan 84.1 pernyataan pembelaan dan tuntutan balas terpinda – muka surat 61B-62 Ikatan Pliding A):





- (a) RM4,900,000.00 bagi kerugian pelaburan PKPS yang merupakan sumbangan modal PKPS di dalam syarikat MNSB (digulungkan);
- (b) RM2,976,581.73 bagi kerugian wang pendahuluan (advances) yang diberikan oleh PKPS kepada MNSB (dugulungkan) bagi menampung kos operasi MNSB;
- (c) RM87,433,468.64 bagi kehilangan tanah seluas 956.32 hektar yang dirampas balik oleh Kerajaan Negeri Selangor (956.32 hektar) x RM91,427.00 (nilai bagi 1 hektar).

[41] PKPS di dalam tuntutan balasnya memplidkan bahawa MFPM (defendan pertama), Dato' Abdullah (defendan kedua), Datin Norizan (defendan ketiga) dan Dato' Karim (defendan keempat) telah berkomplot secara bersesama dan/atau secara berasingan:

- (a) bagi mendorong PKPS untuk memberikan tanah hutan 1,000 hektar bukan dengan hasrat untuk memajukan suatu penanaman semula



hutan dan pembalakan komersil (perenggan 57 pernyataan tuntutan balas terpinda)(muka surat 52 Ikatan Pliding – A);

- (b) tanah 1,000 hektar tersebut digunakan untuk menjayakan agenda dan motif mereka sendiri (perenggan 58 pernyataan tuntutan balas terpinda);
- (c) komplot oleh mereka adalah untuk mencederakan kepentingan PKPS (perenggan 58 pernyataan tuntutan balas terpinda).

[42] Terhadap Dato' Karim, dakwaan PKPS adalah seperti berikut (perenggan 60 pernyataan tuntutan balas terpinda):

- (a) sebagai pengurus Besar PKPS yang berurusan dengan MFPM telah gagal bertindak dengan niat baik dalam menjamin dan/atau melindungi kepentingan-kepentingan PKPS dalam usahasama ini;



- (b) gagal memaklumkan PKPS tentang perkembangan terkini di peringkat lembaga MNSB;
- (c) gagal memberi amaran kepada PKPS sekiranya terdapat salahlaku atau pun pelanggaran kontrak (samada JVA atau SLA) oleh MFPM dan/atau pengarah-pengarahnya;
- (d) gagal memastikan bahawa kepentingan peribadi beliau tidak bercanggah dengan kepentingan PKPS;
- (e) gagal memastikan kesemua perjanjian yang dimasuki oleh PKPS dengan MFPM dan/atau MNSB adalah sah dari segi undang-undang;
- (f) gagal memastikan bahawa modal-modal yang dikeluarkan oleh PKPS untuk JVA adalah dilindungi dan kesemua usahasama dengan MFPM adalah berkeuntungan dan ‘viable’;



- (g) gagal membuat laporan kepada jemaah ahli PKPS sebagai wakil PKPS dalam MNSB dan juga sebagai eksekutif tertinggi dalam kumpulan PKPS.

[43] MFPM di dalam pembelaannya terhadap tuntutan balas PKPS, memplidkan bahawa kerugian yang dialami oleh PKPS adalah disebabkan oleh sumbangan kecuaiian oleh PKPS sendiri, di antaranya (perenggan 26):

- (a) PKPS telah cuai dan gagal membuat bayaran pampasan untuk kehilangan tanah dan 31,000 pokok Sentang seperti yang dipersetujui di dalam minit EXCO-MTES Bil.5/2004 pada 26.1.2004;
- (b) PKPS gagal menubuhkan Jawatankuasa Pemandu untuk memantau dan memberi khidmat nasihat diperlukan bagi menjayakan projek penghutanan semula;
- (c) sebagai sebuah badan korporat yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor,



PKPS telah gagal, enggan dan/atau cuai untuk mendapatkan kebenaran bertulis (prior written consent) daripada Menteri Kewangan seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 14B(1)(b) Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor 1972 dan Perenggan 14(1) Jadual Kedua, Incorporation (State Legislature Competency) Act 1962 sebelum membuat apa-apa pelaburan kewangan di dalam syarikat usahasama iaitu Megafores Nursery Sdn Bhd (MNSB);

- (d) PKPS telah gagal, enggan dan/atau cuai mengambil langkah-langkah yang perlu dan wajar untuk mendapatkan arahan lanjut daripada Menteri Kewangan dan/atau Pejabat Perdana Menteri bagi meremedikan dan memulihkan ketidakpatuhan seksyen 14B(1)(b) Enakmen Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor 1972 dan Perenggan 14(1) Jadual Kedua, Incorporation (State Legislature Competency) Act 1962;
- (e) PKPS telah gagal, enggan dan/atau cuai untuk mendapatkan nasihat perundangan bebas



daripada peguam PKPS dan/atau Penasihat Undang-Undang PKPS dan/atau Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor sebelum memasuki Perjanjian Usahasama dan MFPM dan membuat pelaburan di dalam syarikat MNSB tersebut;

- (f) PKPS gagal, enggan dan/atau cuai untuk menggunakan kemahiran berhati-hati (reasonable skill and care) dan kerajinan yang munasabah (reasonable diligence) untuk memastikan segala keperluan statutori dan prosedur dalaman PKPS dipatuhi sebelum memasuki Perjanjian Usahasama dengan MNSB dan membuat pelaburan di dalam syarikat MNSB;
- (g) untuk tempoh selama 9 tahun dari tarikh Perjanjian Usahasama dimaterai, PKPS gagal, enggan dan/atau cuai untuk memaklumkan kepada MFPM bahawa PKPS tidak pernah memohon kebenaran bertulis daripada Menteri Kewangan. MFPM telah dibiarkan untuk mempercayai bahawa PKPS selama ini telah mendapat segala kelulusan yang diperlukan daripada Menteri Kewangan kerana wakil



Kementerian Kewangan lazimnya hadir di dalam mesyuarat-mesyuarat Jemaah Ahli PKPS;

- (h) PKPS gagal, enggan dan/atau cuai untuk membenarkan MFPM membeli (buy out) ekuiti PKPS dan/atau menebus pegangan saham PKPS sebanyak 49% bagi mengelak syarikat MNSB tersebut daripada digulungkan;
- (i) PKPS gagal, enggan dan/atau cuai berunding dengan MNSB sebelum mengambil apa-apa tindakan yang boleh menjejaskan kepentingan MFPM selaku pemegang saham majoriti di dalam syarikat MNSB tersebut;
- (j) PKPS gagal, enggan/atau cuai untuk merujuk sebarang pertikaian yang timbul kepada Jawatankuasa Pemandu (Steering Committee) dan/atau Penimbangtara selaras dengan Klausula 12.2 Perjanjian Pajakan Kecil sebelum membawa tindakan penggulungan syarikat terhadap syarikat MNSB tersebut; dan
- (k) PKPS gagal, enggan dan/atau cuai untuk memberikan notis 12 bulan kepada syarikat



MNSB tersebut dan/atau MFPM untuk memulihkan apa-apa pelanggaran terma Pajakan Kecil (jika ada).

[44] Dato' Abdul Karim iaitu defendan keempat di dalam tuntutan balas PKPS, di dalam pembelaan beliau menafikan sebarang salah laku atau *mala fide* oleh beliau selaku Pengurus Besar PKPS dalam mengendalikan projek usahasama penghutanan semula tersebut dengan MFPM dan penubuhan MNSB bagi melaksanakan penghutanan semula tersebut.

[45] Di dalam menimbangkan samada PKPS telah dapat membuktikan kes tuntutan balas PKPS tersebut, mahkamah perlu sekali lagi melihat kepada latar belakang dan keterangan serta fakta-fakta yang terdapat dalam kes ini yang mana secara terperinci telah dibutirkan oleh mahkamah ini diawal penghakiman ini.

[46] Cadangan bagi melaksanakan projek penghutanan semula (reforestation) hutan simpan di Selangor yang pada ketika itu (tahun 1998) sedang di tanam dengan pokok-pokok Acacia yang telah matang, bagi digantikan





dengan tanaman pokok Sentang, Jati dan getah adalah dibuat oleh YAB Menteri Besar Selangor ketika itu dan telah mendapat liputan siaran akhbar pada 16.8.1998. Berdasarkan kepada maklumat tersebut, MFPM telah menulis kepada Menteri Besar Selangor pada 1.11.1998 bagi menawarkan diri untuk membangunkan ladang hutan secara integrasi secara penanaman Sentang di Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek (muka surat 452-454 Ikatan B1 dan muka surat 265-267 Ikatan C1). MFPM mencadangkan bagi satu kerjasama diadakan dengan pihak PKPS untuk tujuan pembangunan hutan integrasi tersebut. Mengapa PKPS disebutkan sebagai rakan usahama adalah kerana PKPS adalah sebuah perbadanan negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar yang mempunyai entiti undang-undangnya sendiri, dengan di antara lain bertanggungjawab dan mempunyai tugas/fungsi bagi pembangunan pertanian di negeri Selangor berbeza dari Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang hanya merupakan sebuah jabatan kerajaan yang tidak mempunyai entiti undang-undangnya sendiri. Pengurusan PKPS yang diketuai oleh Pengurus Besar adalah bertanggungjawab dan melapor kepada Jemaah Ahli PKPS yang dipengerusikan oleh Menteri Besar. Pengurus Besar PKPS ketika itu adalah Dato' Karim. Lanjutan dari surat tawaran oleh MFPM tersebut,



YAB Menteri Besar Selangor telah mengarahkan MFPM supaya mengadakan perbincangan dengan Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Jabatan Penswastaaan Negeri Selangor, Kementerian Perusahaan Utama, Lembaga Industri Kayu Malaysia dan PKPS. Pada 23.6.1999 MFPM menulis kepada Menteri Besar Selangor bagi memaklumkan hasil perbincangan tersebut, seperti berikut:

- (a) projek penghutan semula (reforestation) di ladang hutan Acacia dengan menggantikan pokok Acacia dengan penanaman pokok Sentang adalah satu projek Kerajaan Negeri Selangor melalui PKPS di mana ia akan diuruskan oleh MFPM;
- (b) bagi peringkat pertama dan sebagai projek perintis, hanya 1,000 hektar tanah (2,500 ekar) akan dibangunkan dan Kerajaan Negeri Selangor perlu memperuntukkan sebanyak RM15,854,750.00 dalam masa lima (5) tahun. Selebihnya akan diperolehi daripada hasil jualan kayu dan tanaman sampingan di ladang hutan tersebut;



- (c) pembangunan ladang akan dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan;
- (d) baki kawasan seluas 9,000 hektar boleh dibangunkan samada secara kerjasama dengan pihak ketiga atau secara penawaran syer atau bon kepada pelabur yang ingin menyertai kegiatan tersebut.

[47] Lanjutan dari itu, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk memberi kuasa kepada PKPS bagi membangunkan serta menjalankan projek peghutanan semula (reforestation plan) di kawasan Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarek. Bagi menjayakan tujuan tersebut Kerajaan Negeri Selangor memutuskan untuk memberi konsesi dan pajakan kedua-dua kawasan hutan simpan tersebut kepada PKPS melalui satu perjanjian konsesi dan pajakan.

[48] Pada 12.8.1999 mesyuarat Jemaah Ahli PKPS yang dipengerusikan oleh Menteri Besar bersetuju untuk PKPS menerima dan menjalankan projek penghutanan semua tersebut secara usahasama (joint venture) dengan MFPM (muka surat 590-603 Ikatan B5). Satu kertas kerja



bertajuk “*Projek Penghutanan Semula Hutan Simpan Mukim Serendeh di Hulu Selangor Dengan Penanaman Sentang dan Jati*” telah dibentangkan oleh Dato' Karim dalam mesyuarat tersebut (muka surat 577-587 Ikatan B3). Kertas kerja tersebut juga turut memaklumkan tentang “Konsep Pelaksanaan Projek” yang berkaitan dengan peranan MFPM seperti berikut (muka surat 581 Ikatan B3):

- (a) menanam pokok Sentang dan bertanggungjawab terhadap pengurusan dan kerja penyeliaan kawasan Sentang;
- (b) melaksanakan program-program sampingan bersesuaian dengan peraturan perhutanan seperti memelihara ternakan kambing, tanaman herba dan lain-lain;
- (c) menjalankan kerja pembalakan Sentang

[49] Mesyuarat Jemaah Ahli PKPS pada mesyuarat yang sama (12.8.1999) bersetuju meluluskan perkara-perkara berikut:



- (a) PKPS memohon konsesi kawasan hutan simpan seluas 10,000 hektar di Mukim Serendah, Hulu Selangor untuk program penghutan semula hutan simpan;
- (b) melaksanakan projek usahasama dengan Mega Forest Plantation Management Sdn Bhd untuk penanaman Sentang dan Jati;
- (c) PKPS mengusaha hasil dari kawasan hutan simpan yang telah matang.

[50] Lanjutan dari semua latar belakang di atas tadi, pada 5.1.2000 Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) yang dipengerusikan oleh Menteri Besar telah bersetuju meluluskan konsesi tanah hutan simpan terlibat kepada PKPS bagi pajakan untuk tempoh 60 tahun bagi tujuan menjalankan ladang hutan (forest farm) dan untuk itu satu Jawatankuasa Pemandu (Steering Committee) ditubuhkan dipengerusikan oleh Pengarah Unit Perancang Kemajuan Negeri (UPEN) bagi memantau dan menyelia pelaksanaan dan perjalanan projek. Selanjutnya perbincangan diadakan di antara peguamcara PKPS iaitu Tetuan Baharuddin Ali & Co dengan Penasihat Undang-



Undang Negeri Selangor bagi menyediakan tiga perjanjian, iaitu (i) Perjanjian Konsesi dan Pajakan (Lease and Concession Agreement)[muka surat 43-77 Ikatan B1, (ii) Perjanjian Usahasama di antara PKPS dan MFPM (Joint Venture Agreement)[muka surat 1-42 Ikatan B1], (iii) Perjanjian Pajakan Kecil di antara PKPS dan MNSB (Su-Lease Agreement)[muka surat 78-112 Ikatan B1]. Pada 22.2.2001 ketiga-tiga perjanjian di tandatangani dan dimeterai oleh pihak-pihak terlibat. Annexure B kepada Perjanjian Usahasama menyatakan pada item 5.0 dan 5.7 “Plantation Establishment and Management” termasuk *“Agro-Forestry and Horti-Cultural Activities. Provide plan for agro-forestry and horti-cultural activities”*. Perkara/item yang sama juga terdapat di bawah Perjanjian Pajakan Kecil. Selari dengan Perjanjian Usahasama dan Perjanjian Pajakan Kecil tersebut, pada 10.5.2001 Jemaah Ahli PKPS meluluskan pembayaran RM833,000.00 bagi bayaran PKPS ke atas pegangan ekuiti 49% PKPS dalam MNSB. Pegangan 51% lagi ekuiti dalam MNSB adalah oleh MFPM. Pada 20.9.2001 sijil saham No.008 dan No.010 dikeluarkan kepada PKPS bagi 49% saham PKPS dalam MNSB tersebut. MNSB juga melantik Dato’ Karim selaku Pengerusi Lembaga Pengarah MNSB bagi mewakili kepentingan PKPS. Dato’ Abdullah dilantik sebagai Pengarah Urusan MNSB dan juga ahli lembaga pengarah



MNSB bersama Datin Norizan yang masing-masing juga adalah pemegang saham dalam MFPM. Bermula pertengahan tahun 2001 tersebut MNSB mula melaksanakan projek penghutanan semula yang melibatkan kerja-kerja awal pembersihan kawasan dan penebangan pokok-pokok Acacia dan digantikan dengan tanaman pokok Sentang mengikut plan tindakan pelaksanaan yang terdapat di dalam Annexure perjanjian pajakan kecil.

[51] Bagaimana pun pada pertengahan tahun 2002 seluas 30.83 hektar kawasan hutan tersebut pajakan kecil yang masih belum ditanam semula dan seluas 12.85 hektar kawasan pajakan kecil tersebut yang telah ditanam dengan 31,760 batang pokok Sentang oleh MNSB telah terlibat dengan pengambilan balik tanah bagi projek pembinaan jalan penghubung di antara kampus UNISEL Berjantai Bistari dan Bukit Beruntung. Pada 28.4.2004 MTES memutuskan tanggungan membayar pampasan sebanyak RM4 juta bagi pengambilan tanah tersebut dikongsi sama rata oleh Kerajaan Negeri, PKPS, MNSB dan Maxisegar Sdn Bhd yang membangunkan projek kampus UNISEL. Bagaimana pun MNSB hanya menerima RM400,000.00 sahaja dari jumlah pampasan



tersebut dari wang RM1 juta yang dibayar oleh Maxisegar melalui PKPS. Baki wang RM600,000.00 bayaran pampasan oleh Maxisegar diambil simpan oleh PKPS. Kerajaan Negeri Selangor juga hingga kini tidak membayar bahagiannya sebanyak RM1 juta kepada MNSB. Begitu juga PKPS juga hingga kini tidak membayar bahagian tanggungannya RM1 juta kepada MNSB. MNSB kini telah digulungkan.

[52] Dalam pada itu, pada 11.6.2003 MNSB diberitahu oleh PKPS bahawa MNSB dibenarkan untuk memasuki perjanjian pajakan kecil kedua (sub-sub-lease agreement) dengan Syarikat Ternakan Ikan Bintang Wira bagi projek ternakan ikan di kawasan pajakan kecil tersebut (muka surat 233 Ikatan C1). Persetujuan PKPS tersebut adalah sebagai menjawab surat peguamcara MNSB iaitu Tetuan Al-Sabri & Co kepada Bahagian Kesetiausahaan dan Perundangan PKPS bertarikh 9.6.2003 mengatakan bahawa Klausula 4.4 Perjanjian Pejakan Kecil memberi kuasa kepada MNSB sebagai pemegang pajakan kecil untuk memasuki perjanjian pajakan kecil dengan pengusaha ikan (muka surat 231 Ikatan C1). Surat PKPS tersebut ditandatangani oleh Dato' Karim Marzuki selaku Pengurus Besar PKPS dan disalinkan kepada Pengurus





Kanan Korporat PKPS serta Pengurus Kanan Kesetiausahaan dan Perundangan PKPS.

[53] Pada 11.2.2004 MFPM mendapat kemudahan pembiayaan dari Bank Pertanian Malaysia bagi membiayai projek ternakan kambing (goat rearing project). Perlu disebutkan pada ketika ini pampasan bagi pengambilan balik (land acquisition) sebahagian tanah pajakan kecil MNSB belum lagi diterima oleh MNSB. Pada 7.7.2004 MFPM mendapat permit bagi mengimport “boer goats” dari Australia bagi tujuan “breeding”.

[54] Pada 23.11.2004 Pengarah Perhutanan Selangor memaklumkan kepada PKPS bahawa kawasan bekas hutan Acacia di Hutan Simpan Rantau Panjang yang dimajukan oleh PKPS telah dikenalpasti dan dipilih untuk menjadi tempat lawatan oleh peserta persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung sebagai kawasan yang mempunyai ciri-ciri menarik dan unik berkaitan aktiviti perhutanan dalam memaparkan kawasan hutan simpanan kekal boleh dibangunkan dengan jayanya secara bersepadu menerusi pendekatan “Perhutanan Tani” (muka surat 468 Ikatan B4). Kawasan



yang dimaksudkan adalah tanah yang diusahakan oleh MNSB.

[55] Pada 4.7.2005 MNSB menulis kepada Pengarah Perhutanan Negeri Selangor (eksibit P4 muka surat 472 Ikatan B4) bagi memberitahu bahawa pembangunan penghutan semula dengan tanaman pokok Sentang, Batai dan Merawan sedang dijalankan di kawasan pajakan kecil dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2007. Di dalam surat itu MNSB juga memberitahu bahawa terdapat seluas 350 ekar kawasan pajakan kecil adalah kawasan berpayau dan bertakungan air yang mana tidak sesuai bagi tanaman pokok Sentang dan dengan itu pokok kelapa sawit telah ditanam di situ. Surat MNSB tersebut juga memberitahu bahawa aktiviti sampingan telah juga dilaksanakan dalam kawasan pajakan kecil, iaitu penternakan lembu daging dan kambing secara integrasi dan fidlot. Surat MNSB tersebut mengatakan aktiviti sampingan tersebut diperlukan dalam usaha MNSB mencari pendapatan bagi menampung perbelanjaan membangun dan mengurus hutan tersebut. Bagaimana pun tiada jawapan atau maklumbalas diterima oleh MNSB dari Jabatan Perhutanan Selangor.



[56] Pada 19.7.2005 pengurusan tertinggi PKPS bermesyuarat bagi membincangkan cadangan pengambilan alih projek ternakan kambing dan kandang kambing oleh PKPS dari MFPM. Pada setakat 17.2.2005 terdapat 203 ekor kambing (boer) Australia, 46 ekor kambing tempatan dan 82 ekor kambing biri-biri di kawasan pajakan kecil tersebut. Pengurusan PKPS sebulat suara bersetuju mengambil alih ternakan kambing dan peralatannya termasuk kandang kambing pada penilaian harga RM441,030.86. Fakta ini melihatkan aktiviti ternakan kambing diterima oleh PKPS bagi dijalankan dalam kawasan pajakan kecil tersebut.

[57] Pada 2.8.2005 PKPS melalui surat yang ditandatangani oleh Dato' Karim telah memberitahu MFPM bahawa PKPS ingin membuat tawaran bagi mengambilalih projek ternakan kambing yang dijalankan oleh MNSB dengan harga tawaran bahagian pegangan saham PKPS sebanyak RM216,105.12 iaitu 49% bahagian PKPS dalam MNSB (muka surat 249 Ikatan C1). Bagaimana pun tiada persetujuan dicapai oleh pihak-pihak dan oleh itu ternakan kambing tersebut diteruskan seperti sedia ada.



[58] Pada pertengahan tahun 2006 juruaudit dalaman PKPS iaitu Puan Noraini Mohamad Ramlan (SD2) telah menjalankan “due diligence audit” ke atas MNSB sehingga tahun 2006. Permintaan bagi “Due Diligence Audit” tersebut adalah dibuat oleh Dato’ Karim pada 11.9.2006 merangkumi perkara berkaitan (i) operasi dan aktiviti syarikat MNSB, (ii) kewangan syarikat, (iii) pengurusan syarikat, (iv) penambahan modal berbayar oleh pemegang-pemegang saham, dan (v) cadangan penambahbaikan (muka surat 356 Ikatan B2).

[59] Pada 9.5.2007 Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pemandu (Steering Committee) diadakan dan menerima laporan status program penghutanan semula (eksibit “D10”). Jawatankuasa menerima laporan yang dibentangkan oleh Dato Karim berkaitan status projek penghutanan semula tersebut. Jawatankuasa tidak membuat sebarang ‘adverse comments’ ke atas program yang dijalankan oleh MNSB.

[60] Pada 30.5.2007 mesyuarat tambahan modal berbayar MNSB diadakan di PKPS dihadiri oleh pegawai-



pegawai kanan PKPS dan Dato' Abdullah serta Datin Norizan bagi pihak MNSB (muka surat 1-13 Ikatan C5). Mesyuarat dimakmumkan oleh Dato' Abdullah bahawa penanaman semula bagi Fasa 1-3 telah selesai dilaksanakan sepenuhnya. Bagi penanaman semula Fasa 4 ianya telah mencapai 60%. Manakala Fasa 5 belum ditanam semula.

[61] Pada 7.6.2007 MNSB menghantar Penyata Perbelanjaan Pengurusan MNSB kepada Pengurus Kewangan PKPS. Turut dinyatakan ialah perbelajaan pengurusan masa hadapan akan berkurangan disebabkan terdapatnya pendapatan dari aktiviti "integrated farming" (muka surat 6-7 Ikatan C5).

[62] Pada 10.4.2007 mesyuarat pegawai-pegawai kanan PKPS yang dipengerusikan oleh Dato' Karim selaku pengurus besar PKPS membuat keputusan untuk menolak permohonan MNSB bagi pinjaman wang untuk kerja-kerja penyelenggaraan Fasa 1 hingga 3 setelah wakil MNSB memaklumkan bahawa program penghutan semula yang dijalankan tidak 'viable' jika tiada pelaburan tambahan dibuat dan kawasan penghutan semula tidak diberi tambahan.



[63] Pada 30.9.2007 Dato' Karim bersara dari jawatan sebagai Pengurus Besar PKPS. Tuan Haji Nordin bin Darhan (SD3) dilantik oleh Menteri Besar sebagai pemangku pengurus besar PKPS.

[64] Pada 14.1.2008 mesyuarat Jemaah Ahli PKPS memutuskan hanya menampung kos penyelenggaraan sebenar MNSB pada takat pegangan 49% PKPS dalam MNSB dan bagi kos penyelenggaraan tahun 2008, 2008 dan 2010 akan ditangguhkan bagi membolehkan kajian mendalam dibuat ke atas MNSB (muka surat 353 Ikatan C1). Fakta ini melihatkan setakat 14.1.2008 tidak timbul isu pada peringkat Jemaah Ahli PKPS bahawa MNSB ditubuhkan secara tidak sah oleh PKPS melalui perjanjian usahasama tahun 2001.

[65] Pada 23.6.2008 mesyuarat Jemaah Ahli PKPS yang dipengerusikan oleh pengerusi yang baru YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim yang mengambil alih kerajaan Selangor (selepas pilihanraya umum 2008) memutuskan untuk tidak meneruskan projek usahasama dan PKPS akan membeli keseluruhan pegangan saham



MFPM dalam MNSB atau secara alternatif MFPM membeli kesemua pegangan saham PKPS dalam MNSB. Pada 19.8.2008 PKPS menawarkan kepada MFPM bagi MFPM membeli semua saham PKPS dalam MNSB sebanyak 3,193,330 unit (muka surat 365-366 Ikatan B2). Pada 11.8.2008 MFPM melalui peguamcaranya membuat tawaran kepada PKPS untuk membeli saham PKPS dalam MNSB (49%) pada harga RM1.5 juta (muka surat 367 Ikatan B2). Fakta ini menunjukkan setakat 23.6.2008 isu bahawa MNSB ditubuhkan secara tidak sah atau pelaburan PKPS dalam MNSB dibuat secara tidak sah masih tidak menjadi isu kepada Jemaah Ahli PKPS.

[66] Pada 4.5.2009 peguamcara PKPS memberitahu MFPM bahawa PKPS telah mengambil pendirian bahawa tiada lagi apa-apa perbincangan akan dilakukan berkaitan jual beli saham PKPS dalam MNSB (muka surat 266 Ikatan C2).

[67] Pada 3.6.2008 MNSB menulis kepada Menteri Besar Selangor bagi memaklumkan status projek usahasama penghutanan semula yang dijalankan oleh MNSB. Surat tersebut juga turut memaklumkan bahawa aktiviti berkaitan ternakan lembu dan kambing dan cadangan



MNSB bagi mendirikan “feed meal processing facility” bagi menjamin bekalan makanan kepada ternakan yang dijalankan. Salinan surat tersebut disalinkan kepada Exco Pertanian Selangor dan PKPS (muka surat 471 Ikatan B4).

[68] Pada 21.9.2009 MNSB memfailkan tindakan guaman terhadap PKPS bagi mendapatkan RM600,000.00 bayaran pampasan tanah yang disimpan oleh PKPS sejak tahun 2004.

[69] Pada 13.11.2009 Kerajaan Negeri Selangor mengeluarkan kertas putih “*Kisah Di Sebalik Projek Penghutanan Semula untuk Tujuan Komersil Di Selangor. Satu Pendedahan Pakatan Rakyat*” (muka surat 390-436 Ikatan B2).

[70] Pada 24.11.2009 mesyuarat Jemaah Ahli PKPS membuat keputusan, di antara lain bagi menggulung (winding up) MNSB. Pada 27.1.2010 petisyen bagi penggulangan MNSB difailkan oleh PKPS di mahkamah. Pada 14.9.2010 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur





membenarkan petisyen bagi penggulungan MNSB (muka surat 170-178 Ikatan B1).

[71] Pada 11.10.2010 Jabatan Perhutanan Selangor Daerah Hulu Selangor mengeluarkan notis dialamatkan kepada “Sesiapa yang berkenaan” bagi memusnahkan tanaman kelapa sawit di Blok 2/86 Hutan Simpan Rantau Panjang (pokok-pokok kelapa sawit yang ditanam oleh MNSB).

[72] Pada 18.11.2010 MFPM menghantar surat kepada Jabatan Perhutanan Selangor Daerah Hulu Langat bagi perbincangan dibuat terhadap notis penghapusan pokok kelapa sawit memandangkan sejak dari tahun 2001 hingga 2010 tiada sebarang bantahan atau bangkitan teguran dibuat oleh Jabatan Perhutanan terhadap ‘tanaman haram kelapa sawit’ di kawasan pajakan kecil tersebut yang hanya timbul sekarang sedangkan pihak Jabatan Perhutanan Selangor telah lama dimaklumkan tentang tanaman kelapa sawit tersebut oleh MNSB. Tiada jawapan balas oleh Jabatan Perhutanan.



[73] Pada 4.4.2011 Kerajaan Negeri Selangor memaklumkan kepada PKPS bahawa Jabatan Perhutanan Selangor akan mengambi alih kawalan dan pengurusan ke atas kawasan pajakan kecil disebabkan MNSB telah digulungkan dan PKPS diarahkan memberi milikan kosong keseluruhan kawasan pajakan kecil tersebut kepada Jabatan Perhutanan Negeri. Pada 6.4.2011 MFPM membuat rayuan kepada Jabatan Perhutanan Selangor bagi menangguhkan tindakan dan memohon perkara dirujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri. Tiada jawapan oleh Jabatan Perhutanan Selangor.

[74] Pada 29.4.2011 MFPM memfailkan tindakan guaman ini terhadap PKPS.

[75] Pada 23.5.2011 PKPS memfailkan pembelaan dan tuntutan balas terhadap tuntutan MFPM (tuntuta asal). Pada 21.9.2012 PKPS meminda pembelaan dan tuntutan balas dengan memasukkan Dato' Abdullah, Datin Norizan dan Dato' Karim sebagai defendan-defendan di bawah tuntutan balas disamping MFPM.



[76] Di atas latar belakang yang telah dibutirkan di atas, mahkamah berbalik semula kepada tuntutan balas oleh PKPS.

[77] PKPS di dalam tuntutan balas terpinda mereka mendakwa terdapat konspirasi atau komplot oleh MFPM, Dato' Abdullah, Datin Norizan dan Dato' Karim bagi mendatangkan kecederaan/kerugian ke atas PKPS.

[78] Undang-undang berkaitan konspirasi bagi mendatangkan kecederaan telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam kes *Tekital Sdn Bhd v. Sarina Kamaludin & Ors* [2012] 1 LNS 774 di mana Nallini Pathmanathan J. telah menerangkan seperti berikut (dipetik oleh saya secara meluas):

“The Law Relating to Conspiracy to Injure

In *Clerk & Lindsell on Torts*, Eighteenth Edition at chapter 24 the author states in relation to the element of 'agreement' as follows:-

*"...Of the various words used to describe a conspiracy, "combination" has been preferred on the ground that "agreement" might be thought to require some agreement of a contractual kind, whereas all that is needed is a combination and common intention. (see Belmont Finance Corp v. Williams Furniture Ltd. (No. 2) [1980] 1 All ER 393.*



*But judicial descriptions still speak of "concerted action taken pursuant to agreement"... But there must be a combination; lack of overt acts or an uncommunicated intention to join a conspiracy may show there has not been an effective combination... A company, being a separate legal person can conspire with its directors; and the knowledge of the company may be found in the person (Usually a director) who has management control (as its alter ego) for the transaction or act in question...."*

From the foregoing passage it is evident that it is not necessary that evidence of any form of contractual agreement be produced. It is sufficient that there is evidence produced that the Defendants acted in combination, which is the case here.

....

In *Renault SA v. Inokom Corporation Sdn. Bhd. & Anor and Other Applications* [2010] 5 CLJ 32 the Court of Appeal had occasion to consider the salient features of a claim founded on the tort of conspiracy. They quoted, inter alia, from The Common Law Library relating to Precedents of Pleadings:-

*"... The gist of the tort of conspiracy is not the conspirational agreement alone but that agreement plus the overt acts causing damage (Marrinam v. Vibart [1963] 1 QB 234, affirmed [1963] 1 QB 528).*

*Pleading. The statement of Claim should describe who the several parties and their relationship with each other. It should allege the agreement between the defendants to conspire, and state precisely what was the purpose or what were the objects of the alleged conspiracy and it must then proceed to set forth, with clarity and precision the overt acts which are alleged to have been done by each of the alleged conspirators in pursuance and in furtherance of the conspiracy, and lastly, it must allege the injury and damages occasioned to the plaintiff thereby. [The Common Law Library - Number 5- Precedents of Pleadings - Section 26- Conspiracy]..."*

In their Statement of Claim the Plaintiff comply substantially with the foregoing in that they have described the parties,



their relationship with each other, the conspiracy with particulars, the purpose of the conspiracy and finally the damage suffered by the Plaintiff as a consequence, with particulars. While no specific agreement is pleaded, it is evident from the pleadings that the parties, ie, the Defendants, particularly the 1<sup>st</sup>, 2<sup>nd</sup> and 3<sup>rd</sup> Defendants acted in combination and with common intention to effect the transfer of assets of API to the corporate entities they controlled in the form of the 4<sup>th</sup>, 5<sup>th</sup> and the 6<sup>th</sup> Defendants. The Plaintiff pleads that at or around the time that API was facing liquidation and soon thereafter, namely from about July 2009 onwards, the Defendants and each of them acted in concert and in conspiracy with each other, committed fraud and perpetrated the fraud against the Plaintiff to deny the Plaintiff its legitimate claims for the repurchase of the shares in API and the 10 per cent profit which had been outstanding since 2005. The timing pleaded is not strictly accurate as the evidence bears out the fact that such siphoning and transfer of API's assets commenced from the time when it was foreseen that API was going insolvent, sometime in 2008. However this in itself does not vitiate or affect the claim because the details pertaining to the transfer of assets was solely within the knowledge and purview of the Defendants. They produced the details of this evidence at trial themselves. The fact therefore that the claim pleads a date from 2009 cannot detract from the fact that a scheme existed and was put into effect by these Defendants from 2008 or so.

In relation to the conspiracy to injure the Plaintiff contends that the conspiracy between the Defendants was to commit unlawful acts so as to deny the Plaintiff its rights in relation to those assets and which therefore caused damage to the Plaintiff. Alternatively the Plaintiff contends that the conspiracy was to do a series of acts using the API related companies to siphon off the business and revenues of API which, if lawful, were done with the predominant intention of causing damage to the Plaintiff.

In short, from the foregoing, it appears that the Plaintiff has pleaded a cause of action in conspiracy based on unlawful means conspiracy and alternatively lawful means conspiracy.



How is the tort of conspiracy defined? In the Singapore High Court decision of *Wu Yang Construction Group Ltd. v. Zhejiang Jinyi Group Co. Ltd and others* [2006] 4 SLR (R) 451 Andrew Phang Boon Leong J. dealt with this issue in some depth. I respectfully adopt the definition set out by the learned judge thus:-

*"... It is apposite to note that the actual principles of law relating to the tort of conspiracy are none too clear. What is clear is that there are, traditionally, two separate and distinct aspects or ways of applying the tort of conspiracy. As might have been surmised the legal principles with respect to each aspect are somewhat different. There is, first, the situation where unlawful means have been used (also known as "wrongful means conspiracy"). The relevant law in this context appears to be straightforward. In particular, there is no need for the plaintiff concerned to prove that there has been a predominant intention on the part of the defendants to injure it. It would appear that the very utilisation of unlawful means is, by its very nature, sufficient to render the defendants liable, regardless of their predominant intention. This would appear to be both logical as well as just and fair, especially if we bear in mind the fact that the central core, as it were, of the tort of conspiracy hinges on the proof that the conspiracy is somehow unlawful and that the plaintiff is entitled to succeed provided that it can prove that it has suffered damage.*

*Secondly, there is the situation where lawful means have been used (also known as "simple conspiracy" or "conspiracy to injure"). Unlike the first category referred to briefly in the preceding paragraph, this second category requires that the plaintiff prove that there has been a predominant intention on the part of the defendants to injure it (see the leading House of Lords decision of *Lornho plc v. Fayed* [1992] 1 AC 448 ("*Lornho*"). This additional element is required simply because, without it, the alleged conspiracy would be devoid of any element of unlawfulness. It is precisely because there is a predominant intention on the part of the defendants to injure the plaintiff that the plaintiff is entitled to succeed provided (again) that it (the plaintiff) can prove that it has suffered damage. It is this concerted predominant intention to injure that renders the conduct of*



*the defendants, which would otherwise have been lawful, unlawful or illegitimate. As Lord Bridge of Harwich who delivered the substantive judgment of the House in Lornho (with which the other Law Lords agreed), observed (at 465-466):-*

*Where conspirators act with the predominant purpose of injuring the plaintiff and in fact inflict damage on him, but do nothing which would have been actionable if done by an individual acting alone, it is in the fact of their concerted action for that illegitimate purpose that the law, however anomalous it may now seem, finds a sufficient ground to condemn their action as illegal and tortuous. But when the conspirators intentionally injure the plaintiff and use unlawful means to do so, it is no defence for them to show that their primary purpose was to protect their own interests; it is sufficient to make their action tortuous that the means used were unlawful.”*

It is clear from the above exposition that the category of tort pleaded must be clear. In the instant case the Plaintiff has founded its claim on unlawful means conspiracy and in the alternative pleaded lawful means conspiracy. Two key features distinguish these two categories of the tort. In lawful means conspiracy it is necessary for the conspirators to have acted with the predominant purpose of causing injury to the Plaintiff. In unlawful means conspiracy this additional factor does not have to be satisfied.”

[79] Bagi membuktikan terdapatnya konspirasi oleh/atau di antara MFPM, Dato’ Abdullah, Datin Norizan dan Dato’ Karim bagi mendatangkan kecederaan kepada PKPS, unsur-unsur berikut hendaklah dibuktikan oleh PKPS:

- (a) bahawa terdapat niat bersama di antara defendan-defendan;



- (b) bahawa terdapat perjanjian di antara defendan-defendan bagi melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang (unlawful acts); dan
- (c) akibat daripada perbuatan tersebut PKPS mengalami kecederaan/kerosakan.

**Apakah MNSB dan MFPM, Dato' Abdullah, Datin Norizan dan Dato' Karim telah menjalankan aktiviti sampingan di tanah kawasan pajakan kecil secara sembunyi?**

[80] Keterangan yang ada menunjukkan sejak dari tahun 1998 semasa MFPM menghantar surat kepada Menteri Besar Selangor, terdapat pernyataan oleh MFPM bahawa pembangunan ladang hutan akan dibuat secara konsep integrasi. Surat susulan oleh MFPM kepada Menteri Besar pada 23.6.1999 bagi memaklumkan tentang hasi perbincangan dengan jabatan-jabatan terlibat juga menzahirkan bahawa projek penghutanan semula tersebut akan juga melibatkan aktiviti tanaman sampingan. Melalui kertas kerja yang dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Ahli PKPS juga terdapat





pernyataan bahawa akan terdapat aktiviti sampingan seperti ternakan akan dijalankan bagi menampung sebahagian daripada kos membiayai pengurusan dan penanaman semula memandangkan hasil pokok bagi tanaman semula hanya akan dapat diperolehi selepas 7 tahun pokok ditanam. Jika dibuat kiraan bermula dari tahun 2001 tempoh 7 tahun hanya akan bermula pada tahun 2008 dan itu pun secara berperingkat kerana tanaman semula penghutan melibatkan fasa 1 hingga fasa 5. Setakat bermula dari tahun 2001 hingga tahun 2007 hanya fasa 1 hingga 3 telah selesai di tanam semula. Pada tahun 2007 penanaman semula bagi fasa 4 berada pada tahap 60%. Fasa 5 masih belum ditanam semula. Pada tahun 2002 sebahagian dari kawasan pajakan kecil terlibat dengan pengambilan balik tanah dan MNSB hanya menerima menerima sebahagian daripada pampasan RM4 juta iaitu RM400,000 dalam dua kali pelepasan oleh PKPS pada 13.6.2008 dan 28.7.2008. oleh yang demikian di antara tahun 2001 hingga 2007 MNSB diuruskan melalui pembiayaan tanggungan MFPM sebagai pemegang 51% saham dan PKPS sebagai pemegang 49% saham, dalam mana kewangan diperolehi melalui modal berbayar dan pendahuluan/pinjaman PKPS kepada MNSB. Keterangan melihatkan ketika pengambilan balik tanah dibuat pada tahun 2002 sejumlah



31,760 batang pokok Sentang yang telah ditanam dalam kawasan seluas 12.85 hektar terlibat dan tiada pampasan diberikan sehingga tahun 2008. Lampiran penilaian penilai yang dilantik oleh PKPS (Kumpulan Penilai Sdn Bhd) (muka surat 213 Ikatan B2) membuat anggaran kehilangan 31,760 batang pokok Sentang tersebut menyebabkan MNSB kehilangan unjuran pendapatan sebanyak RM9,528,000.00 pada anggaran 15,880 tan pokok Sentang bagi tempoh 12 tahun. Di dalam usaha menampung keperluan kewangan MNSB, pada tahun 2004 MFPM mendapat permit bagi mengimport kambing bagi membolehkan MNSB menjalankan aktiviti ternakan kambing. Pada 23.11.2004 Jabatan Perhutanan Selangor menulis kepada PKPS bagi menjadikan kawasan perladangan integrasi PKPS/MFPM/MNSB tersebut sebagai tapak lawatan sempena Persidangan Pengarah-Pengarah Hutan Semenanjung. Pada 4.7.2005 MNSB menulis kepada Pengarah Jabatan Perhutanan Selangor bagi memberitahu progres terkini projek penghutan semula termasuk penanaman pokok kelapa sawit di kawasan berpaya serta aktiviti ternakan kambing dan lembu. Surat oleh MNSB juga disalinkan kepada PKPS. Tiada sebarang keterangan yang melihatkan Dato' Karim menyembunyikan dokumen atau surat berkaitan aktiviti MNSB tersebut. Terma berkaitan "agro-forest and horti-



cultural activities” juga terdapat dalam Annexure kepada Perjanjian Usahasama di antara PKPS dan MFPM serta Perjanjian Pajakan Kecil diantara PKPS dan MNSB. Perjanjian-perjanjian tersebut termasuk Perjanjian Konsesi dan Pajakan di antara Kerajaan Negeri Selangor dan PKPS adalah disediakan oleh penal peguam PKPS bersama-sama Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan dikendalikan oleh Bahagian Perundangan PKPS. Kesemua salinan perjanjian-perjanjian ini juga berada dalam simpanan PKPS dan ianya bukanlah dokumen yang disembunyikan atau sulit. Jemaah ahli PKPS mengetahui terdapatnya perjanjian-perjanjian tersebut. Begitu juga pegawai-pegawai kanan PKPS mempunyai pengetahuan ke atas perjanjian-perjanjian tersebut termasuk aktiviti sampingan di kawasan pajakan kecil tersebut. PKPS melalui pegawai audit dalaman (SD2) juga membuat audit pengurusan MNSB pada tahun 2006. Penyata Anggaran Perbelanjaan 2007 oleh MNSB yang dihantar kepada pegawai kewangan PKPS juga menyatakan terdapatnya hasil dari aktiviti sampingan. Perlu disebutkan sekali lagi bahawa sehingga tahun 2008 pulangan pembalakan dari penanaman semula pokok Sentang masih belum diperolehi oleh MNSB kerana pokok Sentang hanya dijangka matang bagi pembalakan pada umur sekitar 15 hingga 20 tahun. Bagaimana pun PKPS



telah menggulungkan MNSB secara unilateral pada tahun 2010 setelah 10 tahun pajakan kecil berjalan.

[81] Peguamcara PKPS menghujahkan bahawa aktiviti ternakan kambing yang dijalankan adalah satu kesalahan dibawah seskyen 81 Akta Perhutanan Negara 1985 dibaca bersama seksyen 2 Akta tersebut dan dengan itu semua defendan-defendan di bawah tuntutan balas PKPS telah melakukan aktiviti yang menyimpang dari plan penghutanan semula. Mahkamah berpendapat hujahan ini perlu dipertimbang dari keterangan-keterangan yang terdapat. Keterangan-keterangan yang ada dari SP1 yang disokong oleh dokumen-dokumen kontemporari melihatkan aktiviti tersebut berada dalam pengetahuan Jabatan Perhutanan Selangor dan pengurusan PKPS dan mereka menerimanya sebagai sebahagian dari aktiviti yang disetujui dan tiada bantahan dibuat terhadapnya. Ianya telah diketahui dengan rasminya oleh Jabatan Perhutanan Selangor sejak tahun 2005. Sehingga tahun 2009 tiada sebarang tindakan atau teguran ke atas MNSB oleh Jabatan Perhutanan Selangor terhadap MNSB bagi aktiviti sampingan oleh MNSB tersebut. Malahan PKPS sendiri pernah berhajat mengambil alih aktiviti ternakan kambing di kawasan pajakan kecil tersebut. Tidak timbul



langsung isu aktiviti ternakan kambing sebagai melanggar Akta Perhutanan Negara, 1985 sehingga tahun 2010. Peguamcara PKPS selanjutnya menghujahkan apa yang ingin diambil alih oleh PKPS ialah bangunan kandang kambing dan peralatan berkaitannya dan bukannya ke atas kambing-kambing. Dengan hormatnya mahkamah tidak melihat hujahan ini sebagai suatu yang logik kerana tiada terdapat apa-apa signifikan untuk PKPS hanya mengeluarkan kos bagi pembelian kandang kambing dan peralatannya sahaja yang tidak akan membawa apa-apa faedah kepada PKPS tanpa kambing-kambing dibeli bersekali. Maka itu mahkamah mendapati pengataan PKPS dalam tuntutan balas PKPS bahawa MFPM, Dato' Abdullah, Datin Norizan dan Dato' Karim berkomplot dan menyembunyikan maklumat berkaitan aktiviti sampingan tersebut yang dikatakan melanggar undang-undang dan mendatangkan kecederaan atau kerugian kepada PKPS tidak mempunyai merit dan gagal dibuktikan.

**Adakah Dato' Karim memecahi tugas berhati-hati dan fidusiari selaku Pengurus Besar PKPS apabila tiada kelulusan Menteri Kewangan diperolehi bagi perjanjian dan usahasama tersebut?**



[82] Pemerhatian mahkamah ke atas keterangan yang terdapat, isu berkaitan kegagalan mendapatkan kebenaran terdahulu (prior approval) Menteri Kewangan hanya mula timbul dan difikirkan oleh peguamcara PKPS hanya apabila petisyen penggulungan MNSB hendak difailkan. Sejak dari permulaan perjanjian-perjanjian dimasuki pada tahun 2001, isu berkaitan kegagalan mendapatkan kebenaran Menteri Kewangan sebagai syarat awal bagi pelaburan dan penubuhan syarikat usahasama oleh PKPS tidak menjadi isu. Ianya tidak pernah dibangkitkan kepada peguamcara penal PKPS mahu pun kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri semasa perjanjian-perjanjian disediakan dan semasa perjanjian-perjanjian dimasuki oleh pihak-pihak. Pihak juruodit dalaman PKPS yang menjalankan odit ke atas MNSB dalam tahun 2006 juga tidak melihat ketiadaan kebenaran Menteri Kewangan sebagai suatu isu atau keperluan. Laporan Odit PKPS ke atas MNSB bagi tahun 2008 juga tidak menyentuh perkara ketiadaan kebenaran Menteri Kewangan sebagai menjadi isu yang boleh menjadikan projek usahasama tersebut sebagai tidak sah. Jemaah Ahli PKPS juga sejak dari tahun 2001 hingga akhir tahun 2011, tidak pernah menzahirkan kesangsian ke atas kesahihan projek



usahasama PKPS dan MFPM serta MNSB. Mesyuarat Jemaah Ahli PKPS pada 24.11.2010 yang memutuskan bagi menggulungkan MNSB juga tidak mengatakan salah satu alasan penggulungan MNSB adalah kerana pelaburan oleh PKPS dan penubuhan MNSB tidak mendapat kebenaran Menteri Kewangan bagi menjadikan perjanjian pajakan kecil sebagai tidak sah. Isu ketiadaan kebenaran terdahulu Menteri Kewangan hanya mula timbul apabila PKPS menfailkan petisyen penggulungan ke atas MNSB pada 27.1.2012. Keputusan berkaitan isu undang-undang telah diputuskan melalui petisyen penggulungan tersebut dan telah menjadi muktamad.

[83] Di atas huraian dan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah mendapati tidak terdapat pemecahan tugas berhati-hati atau fidusiari oleh Dato' Karim yang berkaitan dengan isu ketiadaan kebenaran Menteri Kewangan dalam pelaburan dan penubuhan syarikat usahasama MNSB oleh PKPS. Dato' Karim dan PKPS serta Jemaah Ahli PKPS pada segala masa yang material mempercayai kebenaran Menteri Kewangan tidak diperlukan bagi usahasama tersebut yang melibatkan pelaburan tidak melebihi RM5 juta ringgit.



[84] Sebagai faedah rujukan, mahkamah menurunkan Arahan Di Bawah Perenggan 14(1) Jadual Kedua yang dibuat oleh Menteri Kewangan bertarikh 15.4.1993 di bawah Akta Pemerbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (muka surat 12-14 Ikatan D) yang di antara lain menyatakan seperti berikut:

*“Perenggan 14(1)((a):*

- (i) *Sesuai perbadanan boleh menambah pegangan ekuiti di dalam mana-mana syarikat selagi mana penambahan tersebut menggunakan kumpulan wangnya yang dikeluarkan secara dalaman;*
- (ii) *Jika apa-apa penambahan pegangan ekuitinya di dalam sesuatu syarikat yang tidak dibiayai dari kumpulan wang yang dikeluarkan secara dalamannya, suatu perbadanan boleh menambah pegangan ekuitinya di dalam syarikat itu tidak melebihi dari tiga puluh peratus (30%) atau Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta)(yang mana lebih rendah);*





*(iii) Apa-apa penubuhan atau promosi penubuhan mana-mana syarikat hendaklah menghendaki persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan.*

*Perenggan 14(1)(b)*

*Tertakluk kepada kelulusan lembaganya, sesuatu perbadanan boleh memberi bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat subsidiarinya dengan cara mengambil syer-syer atau debenture atau secara pinjaman, pendahuluan, pemberian atau selainnya dengan syarat jumlah keseluruhan apa-apa bantuan kewangan kepada setiap syarikat-syarikat subsidiarinya tidak melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta). Bagi sesuatu jumlah yang melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta) persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan adalah dikehendaki.*

*Perenggan 14(1)(c)*

*Sesuatu perbadanan boleh membeli, underait atau selainnya memperolehi mana-mana stok atau syer*



*dalam mana-mana syarikat awam atau persendirian tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan dengan syarat jumlah keseluruhan atau nilai syer-syer atau stok-stok yang dibeli, diunderait atau diperolehi oleh perbadanan dalam mana-mana satu syarikat itu tidak melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta). Bagi amaun yang melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta) persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan adalah dikehendaki.*

*Perenggan 14(d)*

*Sesuai perbadanan boleh meminjam wang (termasuk perantaraan kewangan) atau memasuki apa-apa jaminan melibatkan liabiliti kewangan tanpa persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan dengan syarat amaun bagi setiap pinjaman atau jaminan tidak melebihi Ringgit Malaysia lima juta (RM5.0 juta) dan dengan syarat selanjutnya berkenaan apa-apa jaminan, jaminan yang akan diberi hendaklah tidak melebihi peratusan pegangan ekuiti perbadanan itu di dalam badan itu atau orang berkenaan dengan liabiliti siapa jaminan telah diberi. Apa-apa pinjaman atau jaminan yang*



*melebihi Ringgi Malaysia lima juta (RM5.0 juta) hendaklah menghendaki persetujuan bertulis terdahulu daripada Menteri Kewangan.”*

[85] Seperti yang telah dinyatakan diawal penghakiman ini, pada 10.5.2001 Jemaah Ahli PKPS telah memutuskan bagi menaikkan modal yang dibenarkan (authorised capital) MNSB kepada RM10 juta dan meluluskan bayaran sebanyak RM833,000.00 bagi nilai 49% pegangan saham PKPS dalam MNSB yang telah ditubuhkan yang pada awalnya mempunyai modal berbayar (paid up capital) sebanyak RM1.7 juta. Bagi pegangan saham tersebut sijil saham No. 008 bernilai RM49.00 dan No.010 bernilai RM832,951.00 telah dikeluarkan oleh MNSB kepada PKPS. Jelasnya ketika pelaburan bagi pegangan saham sebanyak 49% dibuat oleh PKPS pada tahun 2001 ianya tidak melebihi daripada had sekatan RM5.0 juta dan dengan itu kebenaran bertulis terdahulu Menteri Kewangan tidak diperlukan. PKPS tidak mengemukakan sebarang keterangan daripada ahli Jemaah PKPS atau mana-mana Pengerusi Jemaah Ahli PKPS bahawa mereka telah dikelirukan atau disalahnyata oleh Dato' Karim berkaitan projek usahasama tersebut dan disalahnyata berkaitan



ketidakperluan mendapat kebenaran Menteri Kewangan. Saksi SD1 juga mengesahkan tiada siasatan salah laku atau tindakan kerana salah laku pernah diambil oleh PKPS terhadap Dato' Karim berkaitan dengan usahasama tersebut.

[86] Oleh itu mahkamah mendapati dakwaan PKPS bahawa Dato' Karim selaku Pengurus Besar PKPS gagal memastikan perjanjian dan pelaburan yang dimasuki oleh PKPS dengan MFPM dan/atau MNSB supaya ianya sah dari segi undang-undang tidak mempunyai merit. PKPS juga ketika membuat pelaburan bagi pegangan saham 49% adalah ke atas MNSB yang telah ditubuhkan dan didaftarkan awal pada tahun 1998 di bawah Akta Syarikat 1965. Apa yang berlaku ialah pembelian pegangan saham 49% oleh PKPS dalam MNSB yang telah diperbadankan lebih awal. Oleh itu tidak timbul isu sebuah syarikat baru dalam maksud sebenar ditubuhkan oleh PKPS.

[87] Keterangan juga melihatkan melalui surat PKPS bertarikh 14.1.2008 kepada MNSB yang ditandatangani oleh En. Aqmal Azam bin Ahmad (Timbalan Pengurus Besar Kumpulan Pembangunan Perniagaan PKPS) menyatakan PKPS tidak dapat menyertai projek



usahasama agro ternakan dan fidlot MNSB disebabkan komitmen projek dan kewangan yang ketat yang dialami oleh PKPS ketika itu (muka surat 350 Ikatan B20. Jelasnya pada setakat 14.1.2008 PKPS masih melihat penternakan kambing dan lembu adalah aktiviti sampingan yang sah dijalankan di kawasan pajakan kecil tersebut.

**Surat oleh Dato' Karim bertarikh 27.9.2009**

[88] KPS juga membawa keterangan melalui SD1 bahawa pada 27.9.2007 Dato' Karim telah memberitahu MNSB bahawa MNSB boleh memasuki perjanjian usahasama dengan pihak ketiga bagi membangunkan baki kawasan seluas 1,000 ekar dalam kawasan pajakan kecil tersebut yang masih belum ditanam semula. PKPS menghujahkan surat ini dikeluarkan oleh Dato' Karim lebih kurang tiga hari sebelum beliau bersara pada 30.9.2007 dan ini melihatkan motif atau perlakuan beliau yang dikatakan sebagai mengambil kesempatan terakhir sebelum bersara bagi memberi faedah kepada MFPM, Dato' Abdullah, Datin Norizan dan MNSB.



[89] Mahkamah telah menimbangkan isu ini. Bagaimana pun mahkamah berpendapat isu tersebut perlu dilihat dalam konteks keterangan secara totaliti. Keterangan yang ada melihatkan sejak tahun 2003 lagi pengurusan PKPS telah mengambil pendirian bahawa MNSB diberi kuasa di bawah Perjanjian Pajak Kecil untuk memasuki perjanjian pajakan kecil kedua dengan pihak ketiga. Perkara ini dapat dilihat melalui surat PKPS bertarikh 11.6.2003 kepada MNSB yang membenarkan untuk memasuki perjanjian pajakan kecil kedua (sub-sub-lease agreement) dengan Syarikat Ternakan Ikan Bintang Wira bagi projek ternakan ikan di kawasan pajakan kecil tersebut (muka surat 233 Ikatan C1). Persetujuan PKPS tersebut adalah sebagai menjawab surat peguamcara MNSB iaitu Tetuan Al-Sabri & Co kepada Bahagian Kesetiausahaan dan Perundangan PKPS bertarikh 9.6.2003 mengatakan bahawa Klausa 4.4 Perjanjian Pejakan Kecil memberi kuasa kepada MNSB sebagai pemegang pajakan kecil untuk memasuki perjanjian pajakan kecil dengan pengusaha ikan (muka surat 231 Ikatan C1). Surat PKPS tersebut ditandatangani oleh Dato' Karim selaku Pengurus Besar PKPS dan disalinkan kepada Pengurus Kanan Korporat PKPS serta Pengurus Kanan Kesetiausahaan dan Perundangan PKPS. Oleh itu



mahkamah mendapati surat bertarikh 27.9.2009 tersebut bukanlah pendirian peribadi oleh Dato' Karim bagi tujuan mendahulukan (to advance) agenda peribadi beliau dengan defendan-defendan yang lain. Surat ini adalah konsisten dengan pendirian PKPS sejak tahun 2003 lagi bahawa MNSB boleh membawa masuk pihak ketiga ke dalam projek tersebut. Pada peringkat surat bertarikh 11.6.2003 dan 27.9.2009 dikeluarkan, isu berkaitan keesahan (validity) pelaburan PKPS dalam usahasama, penubuhan MNSB dan pajakan kecil tidak timbul lagi. Di sepanjang masa yang material semua pihak-pihak terlibat dalam "reforestation plan" tersebut masih diatas kepercayaan bahawa segala perjanjian dan aktiviti yang berjalan berkaitan penghutanan semula tersebut adalah sah dan teratur. Di atas huraian dan alasan tersebut mahkamah berpendapat dakwaan oleh PKPS tersebut bahawa Dato' Karim mempunyai motif tersendiri apabila mengeluarkan surat bertarikh 27.9.2009 tidak mempunyai merit.

***Adakah Dato' Karim telah gagal melindungi modal PKPS di bawah usahasama dan menentukan ianya berkeuntungan (viable)?***



[90] Mahkamah telah membutirkan diawal penghakiman ini berkaitan kertas kerja MFPM dan kertas kerja yang dibentangkan oleh pengurusan PKPS kepada Jemaah Ahli PKPS yang bersetuju menerima projek penghutan semula dijalankan oleh PKPS dengan usahasama MFPM. Keterangan saksi SP1 (Dato' Abdullah) telah menjelaskan perkiraan "viability" pengurusan dan kewangan penanaman semula tersebut dan ianya diterima oleh Jemaah Ahli PKPS yang membawa kepada perjanjian-perjanjian dimasuki. Seperti yang diunjurkan oleh MFPM sebagai permulaan hanya 1,000 hektar tanah hutan akan dilaksanakan penghutan semula secara berintegrasi. Bagaimana pun pada tahun 2002 berlaku pengambilan balik sebahagian kawasan 1,000 hektar tersebut melibatkan keluasan seluas 43.68 hektar. Dari kawasan tersebut sejumlah 31,760 pokok Sentang yang telah ditanam oleh MNSB terlibat. Akibatnya unjuran hasil dalam tempoh 12 tahun bagi jumlah pokok Sentang terlibat itu, iaitu sekitar RM9,528,000.00 tidak lagi berpeluang untuk menjadi hasil MNSB. Pampasan yang ditetapkan bagi pengambilan semula tersebut iaitu RM4 juta juga tidak dibayar kepada MNSB seperti yang dijanjikan oleh MTES kecuali RM400,000 oleh PKPS dari wang yang dibayar oleh Maxisegar Sdn Bhd sebanyak





RM1 juta yang terlibat dalam pembangunan tanah yang dibuat pengambilan. Di masa yang sama PKPS juga mengalami masalah kewangan akibat daripada komitmen lain PKPS dan akibatnya PKPS mengecilkan atau menanggung sumbangan atau bayaran kos penyelenggaraan yang melibat fasa 1 hingga 3 yang telah ditanam semula. Di atas faktor-faktor yang terdapat itu dan keterangan oleh Dato' Abdullah (SP1) bahawa kawasan pajakan kecil telah menjadi berkurangan keluasan, disamping 350 hektar lagi kawasan berpaya tidak dapat dimajukan kecuali di tanam dengan kelapa sawit, dan permohonan MNSB bagi tambahan kawasan tidak diluluskan, maka ianya telah menjejaskan "viability" projek penanaman semula dan "viability MNSB" bagi kawasan pajakan kecil tersebut adalah keterangan yang melihatkan ianya tidak di atas kecuaiian atau kegagalan tanggungjawab oleh Dato' Karim. Mahkamah menerima SP1 ini sebagai kredible diatas beban imbalan kebarangkalian. PKPS tidak membawa sebarang keterangan untuk melihatkan projek yang melibatkan 1,000 hektar tersebut sebagai tidak "viable" sejak dari awal lagi apabila dikemukakan oleh MFPM. Projek tersebut mempunyai tempoh 15 tahun sebelum ianya membawa pulangan tetapi pada tahun kedua (2001) sebahagian daripada kawasan pajakan terlibat telah



diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah pengambilan semula tanah dan akibatnya MNSB kehilangan sejumlah 31,760 pokok Sentang yang telah ditanam dengan anggaran hasil bagi tempoh 12 tahun sekitar RM9,528,000.00. PKPS juga telah mengambil tindakan secara unilateral apabila memfailkan petisyen bagi penggulangan MNSB setelah Jemaah Ahli PKPS yang baru memutuskan untuk menamatkan usahasama. Keseluruhan baki tanah pajakan kecil telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri Selangor termasuk fasa 1 hingga 3 yang telah selesai penanaman semula, manakala Fasa 4 telah ditanam semula sebanyak 60%.

[91] Di atas huraian dan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah dapati dakwaan PKPS bahawa Dato' Karim bertanggung kerana telah gagal melindungi pelaburan PKPS dan bagi menentukan projek tersebut adalah "viable" tidak mempunyai merit. Mahkamah berpendapat tugas tersebut bukan sahaja terletak ke atas Dato' Karim tetapi juga ke atas pegawai-pegawai kanan PKPS serta Jemaah Ahli PKPS termasuk Jawatankuasa Pemandu yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Konsesi dan Pajakan bagi memantau dan menyelia projek dan aktiviti penanaman semula tersebut. Mahkamah juga



mendapati Jabatan Perhutanan Selangor selaku pihak yang bertanggungjawab di bawah peruntukan Akta Perhutanan Negara, 1985 dan ahli Jawatankuasa Pemandu serta jabatan yang diberikan tugas oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memantau hutan simpan tidak langsung menjalankan tanggungjawabnya dalam tempoh 2001 sehingga 2010 apabila kemudiannya pada 11.10.2011 mengeluarkan notis kepada MFPM memberitahu tanaman pokok kelapa sawit di kawasan pajakan kecil dan bangunan di dalamnya perlu dimusnahkan. Keterangan oleh SD8 telah mengesahkan perkara ini.

### **Isu wang pendahuluan PKPS kepada MNSB**

[92] PKPS mendakwa Dato' Karim gagal menjalankan tanggungjawabnya selaku Pengurus Besar dan wakil PKPS dalam lembaga pengarah MNSB untuk melindungi pelaburan dan pendahuluan yang dikeluarkan oleh PKPS kepada MNSB. Dalam isu pelepasan pendahuluan (advances) sebanyak RM1,706,670.00 kepada MNSB, mahkamah dapati kelulusan bagi memberi pendahuluan tersebut telah diluluskan oleh Jemaah Ahli PKPS setelah Dato' Karim bersara dari jawatan dari pengurus besar



PKPS. Keterangan oleh saksi SD1 (Aqmal Azam bin Ahmad) Timbalan Pengurus Besar PKPS mengesahkan perkara ini. Peguamcara bagi pihak Dato' Karim menghujahkan bahawa walau pun pengurusan PKPS dan Jemaah Ahli PKPS telah mengetahui terdapat masalah berkaitan MNSB tetapi Jemaah Ahli PKPS masih membuat keputusan meluluskan pembayaran pendahuluan tersebut dan yang demikian Dato' Karim sewajarnya tidak dipersalahkan di atas jumlah wang yang telah diluluskan itu. Saya bersetuju dengan hujahan oleh peguamcara ini. Malahan SD1 mengatakan tindakan ini hanya dibawa ke atas Dato' Karim kerana PKPS tidak dapat lagi membawa tindakan ke atas MNSB yang telah digulungkan. MNSB adalah digulung oleh PKPS sendiri secara tindakan unilateral.

## **Kesimpulan**

### ***Tuntutan plaintif MFMP***

[93] Kesimpulannya, Mahkamah mendapati plaintif MFPM gagal membuktikan di atas beban imbalan kebarangkalian bahawa terdapatnya salahnyataan



(misrepresentation) atau pemecahan tugas kontrak atau statutori atau tanggungjawab oleh defendan PKPS berkaitan projek penghutanan semula tersebut. Oleh itu tuntutan plaintif MFPM (dalam tuntutan asal) ditolak dengan kos.

### **Tuntutan balas PKPS**

[94] Mahkamah juga mendapati PKPS gagal di atas beban imbangan kebarangkalian membuktikan bahawa terdapat komplot atau konspirasi salah atau yang melanggar undang-undang baik secara bersesama atau berasingan oleh MFPM, Dato' Abdullah, Datin Norizan dan Dato' Karim di bawah tuntutan balas tersebut. Oleh itu tuntutan balas PKPS terhadap defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat ditolak dengan kos.

### **Kos**

[95] Bagi tuntutan asal oleh MFPM yang ditolak dengan kos dan tuntutan balas PKPS terhadap MFPM,



mahkamah memutuskan masing-masing pihak MFPM dan PKPS menanggung kos masing-masing.

[96] Bagi tuntutan balas PKPS terhadap defendan kedua (Dato' Abdullah bin Omar), Datin Norizan Hussein (defendan ketiga) dan Dato' Karim Hj. Marzuki (defendan keempat), mahkamah memutuskan untuk kos tindakan di bawah tuntutan balas tersebut dibayar oleh PKPS kepada defendan kedua, ketiga dan keempat, masing-masingnya.

[97] Peguamcara bagi pihak defendan kedua dan ketiga memohon supaya kos sebanyak RM60,000.00 masing-masingnya dibayar kepada defendan kedua dan ketiga bagi tuntutan balas PKPS yang ditolak. Alasan peguamcara defendan kedua dan ketiga ialah kes ini melibatkan dokumen yang banyak, rumit dan tempoh perbicaraan yang panjang. Peguamcara defendan keempat pula memohon kos sebanyak RM100,000.00 diberikan kepada defendan keempat di atas tuntutan balas PKPS yang ditolak, juga di atas alasan yang sama. Peguamcara PKPS di dalam tuntutan balas pula menghujahkan kes tuntutan asal dan tuntutan balas ini telah didengar secara digabungkan dan oleh itu tidak melibatkan kerja yang berasingan dan defendan kedua



serta ketiga juga menggunakan perkhidmatan peguam yang sama dan oleh itu satu kos sahaja adalah wajar bagi defendan kedua dan ketiga. Peguamcara PKPS mencadangkan kos sebanyak RM20,000 setiap seorang defendan tersebut adalah munasabah.

[98] Setelah menimbangkan hujahan pihak-pihak dan mengambil kira kerumitan kes, jumlah dokumentasi yang besar dan perbicaraan juga telah mengambil tempoh masa yang panjang, mahkamah berpendapat kos sejumlah RM30,000.00 adalah munasabah dan adil untuk diperintahkan bagi dibayar oleh PKPS kepada defendan kedua, ketiga dan keempat, secara berasingan masing-masingnya bagi tuntutan balas PKPS yang ditolak tersebut. Adalah diperintahkan seperti diatas.

**Bertarikh:** 26 JUNE 2014

**(YAACOB HJ. MD.SAM)**

Hakim

Mahkamah Tinggi Malaya,

Shah Alam, Selangor



**Kaunsel:-**

*Bagi pihak plaintif (MFPM) - Hizri Hasshan; T/n Che Mokhtar & Ling*

*Bagi pihak defendan (PKPS) - Tan Keng Teck (Tan Chi Hoa bersamanya); T/n Lim Kian Leong & Co*

*Bagi pihak defendan kedua, ketiga di bawah tuntutan balas - Hizri Hasshan; T/n Che Mohktar & Ling*

*Bagi pihak defendan keempat di bawah tuntutan balas - Harikannan Ragavan; T/n Jayadeep Hari & Jamil*